




D.R. 18 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

SENARAI KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--|------------|
| • Kandungan | i |
| • Lampiran | ii |
| • Singkatan | iii |
| • Infografik | iv |
| <u>BAHAGIAN I</u> PENGENALAN | |
| • Jawatankuasa dan Terma Rujukan | 1 |
| • Pendekatan Tugas Kerja | 3 |
| <u>BAHAGIAN II</u> LATAR BELAKANG RANG UNDANG-UNDANG | |
| • Latar Belakang Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | 4 |
| <u>BAHAGIAN III</u> PEMBENTANGAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) | |
| • Pembentangan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) | 5 |
| <u>BAHAGIAN IV</u> PEMERHATIAN DAN PENELITIAN JAWATANKUASA | |
| • Pemerhatian dan Penelitian Jawatankuasa | 9 |
| <u>BAHAGIAN V</u> RUMUSAN JAWATANKUASA | |
| • Rumusan Jawatankuasa | 10 |
| <u>BAHAGIAN VI</u> PENGHARGAAN | |
| • Penghargaan | 11 |

LAMPIRAN

Lampiran A : Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 – D.R. 7/2024

Lampiran B : Pembentangan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Lampiran C : Maklum Balas Bertulis Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengenai isu berbangkit daripada Mesyuarat JKPK Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan 5 Tahun 2024

SINGKATAN

| | |
|--------|---|
| BNM | Bank Negara Malaysia |
| BO | <i>Beneficial Ownership</i> |
| CRM | <i>Corporate Rescue Mechanism</i> |
| CVA | <i>Corporate Voluntary Arrangement</i> |
| FATF | <i>Financial Action Task Force</i> |
| JKPK | Jawatankuasa Pilihan Khas |
| JM | <i>Judicial Management</i> |
| KPDN | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup |
| KUSKOP | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi |
| KPKM | Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan |
| MOF | Kementerian Kewangan |
| OECD | <i>Organization for Economic Co-operation and Development</i> |
| PAC | Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara |
| PDRM | Polis Diraja Malaysia |
| PLT | Perkongsian Liabiliti Terhad |
| RUU | Rang Undang-Undang |
| SSM | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |



JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



OBJEKTIF

- ▶ menyokong perkembangan ekonomi dan kesejahteraan negara
- ▶ mendukung ketelusan dalam tadbir urus korporat



CIRI-CIRI UTAMA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

- ▶ satu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang berasingan
- ▶ kekal turun temurun
- ▶ perubahan dalam pekongsi tidak menjaskan PLT atau liabilitinya
- ▶ mempunyai keupayaan tidak terhad



PINDAAN FASAL

- Subseksyen 10(2)
- Subseksyen 19(1)
- Seksyen 20A
- Seksyen 20B
- Seksyen 20C
- Seksyen 20D
- Seksyen 20E
- Seksyen 27(7)
- Seksyen 49A
- Seksyen 49B
- Seksyen 70A
- Seksyen 76
- Seksyen 76A
- Seksyen 91(1)



3 POLISI PINDAAN

1 Pengenalan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial

- ▶ meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan SSM dan membantu agensi kawal selia dan penguatkuasaan

2 Pengenalan mekanisme penyelamat korporat

- ▶ memberi implikasi perundangan positif dan PLT boleh terus beroperasi dan berdaya maju

3 Penambahbaikan amalan dan tadbir urus korporat

- ▶ usaha berterusan untuk memastikan tahap tadbir urus korporat yang tinggi, menggalakkan pematuhan dan memudahkan urusan perniagaan.



JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



PEMERHATIAN DAN PENELITIAN JAWATANKUASA

- 1** Terdapat perbezaan entiti perkongsian konvensional dan perkongsian liabiliti terhad. Antara contoh entiti PLT ialah seperti PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) dan Ernst and Young PLT yang merupakan jenis perniagaan perkhidmatan profesional.
- 2** RUU PLT (Pindaan) 2024 tidak dibawa bersekali dengan RUU Syarikat (Pindaan) 2023 dan mengambil masa hampir tiga tahun kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada waktu tersebut.
- 3** Pengenalan dasar dan peraturan baharu ini bertujuan untuk membendung aktiviti salah guna dan penyelewengan. Pindaan RUU ini bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah salah guna PLT.
- 4** Garis panduan mekanisme penyelamat korporat melalui pelan rehabilitasi atau penyusunan semula hutang entiti PLT.
- 5** Pindaan ini telah mengambil kira pandangan pemegang taruh dan pemain industri antaranya termasuk institusi kewangan dan badan profesional.
- 6** Peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 adalah selari dengan prinsip syariah yang telah dikaji oleh Law Harmonisation Committee yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia semasa semakan undang-undang ke atas Akta Syarikat 1965 dilaksanakan.
- 7** Pindaan RUU ini juga dapat meningkatkan tanggungjawab PLT dalam memberikan laporan maklumat kepada SSM mengenai data-data berkaitan pemunya benefisial.
- 8** Semua cadangan SSM yang mengemukakan pindaan RUU ini untuk menambah baik dan memperkenalkan kerangka mekanisme penyelamat korporat atau rehabilitasi dan kerangka pelaporan pemunya benefisial di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.



RUMUSAN

Pindaan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 akan membawa kebaikan bukan setakat kepada PLT, tetapi kepada industri dan juga perkembangan ekonomi.

Jawatankuasa bersetuju mengesyorkan agar Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 ini diluluskan di Dewan Rakyat.

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. Meneliti Rang Undang-Undang (RUU) yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
 - ii. Meneliti usul, RUU persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
 - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya; dan
 - iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
(Ahli Parlimen Rasah merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Tuan Edwin anak Banta
(Ahli Parlimen Selangau)
- iii. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan
(Ahli Parlimen Keningau)
- iv. Yang Berhormat Tuan Manndzri bin Nasib
(Ahli Parlimen Tenggara)

- v. Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing
(Ahli Parlimen Gopeng)
- vi. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
(Ahli Parlimen Pasir Gudang)
- vii. Yang Berhormat Dato' Dr. Ronald Kiandee
(Ahli Parlimen Beluran)
- viii. Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid
(Ahli Parlimen Hulu Terengganu)
- ix. Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya
(Ahli Parlimen Sungai Besar)

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian telah melantik ex-officio daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memberikan nasihat kepada Ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pada hari Rabu, 20 Mac 2024 dengan memanggil Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa berkenaan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN)

2024

1. Pada hari Selasa, 19 Mac 2024, Rang Undang-Undang (RUU) Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 dibacakan kali yang pertama oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Yang Berhormat Senator Hajah Fuziah binti Salleh seperti di **Lampiran A**.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 5 Tahun 2024 telah diadakan pada hari Rabu, 20 Mac 2024. Jawatankuasa ini telah mendengar taklimat mengenai Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di **Lampiran B**.
3. Jawatankuasa telah meminta Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk mengemukakan maklumat tambahan berkaitan isu yang dibangkitkan seperti di **Lampiran C**.

BAHAGIAN III

PEMBENTANGAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Ringkasan pembentangan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian berkenaan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 adalah seperti berikut:

Pengenalan Perkongsian Liabiliti Terhad

1. Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) merupakan entiti *body corporate* di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] yang berkuat kuasa pada 26 Disember 2012. Bilangan entiti PLT yang aktif sejak tahun 2012 sehingga 29 Februari 2024 adalah sebanyak 34,358 entiti.
2. Ciri-ciri utama PLT adalah seperti berikut:
 - i. satu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang berasingan (*body corporate with a separate legal personality*). Seksyen 3 Akta 743.
 - ii. kekal turun temurun (*having perpetual succession*);
 - iii. perubahan dalam pekongsi tidak menjelaskan PLT dan liabilitinya; dan
 - iv. mempunyai keupayaan yang tidak terhad (*unlimited capacity*).
3. PLT merupakan gabungan ciri-ciri syarikat dan perkongsian konvensional dengan memberikan keistimewaan liabiliti terhad kepada pekongsi dan urusan dalaman yang lebih fleksibel.
4. Liabiliti pekongsi di dalam PLT adalah terhad kepada sumbangan di mana tanggungan hutang firma PLT itu sebenarnya ditanggung oleh entiti sendiri.
5. PLT tidak memerlukan proses pengauditan namun perlu menyediakan perakaunan. Penyata kewangan perlu disediakan tetapi hanya perlu disimpan di pejabat berdaftar sahaja. Tiada keperluan untuk menyerah simpan penyata kewangan kepada pihak SSM dan lantikan juruaudit. Namun begitu, SSM mempunyai kuasa untuk meminta, mengarahkan, memberi notis agar PLT itu menyerahkan penyata kewangan kepada pendaftar.
6. Pembuatan keputusan adalah lebih fleksibel kerana tiada keperluan untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). PLT boleh membuat keputusan-keputusan dalam perniagaan masing-masing tanpa memerlukan resolusi AGM.

Pindaan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad

7. Objektif pindaan RUU ini adalah seperti berikut:
 - i. Menyokong perkembangan ekonomi dan kesejahteraan negara di mana dapat membantu syarikat-syarikat PLT yang menghadapi masalah kewangan untuk dipulihkan dan terus berdaya saing melalui pengenalan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi. Selain itu, pindaan ini akan memastikan PLT terus beroperasi dan menjana pendapatan selepas pasca COVID-19 dan membantu mengurangkan kadar pengangguran pada tahap yang rendah di Malaysia.
 - ii. Mendukung ketelusan dalam tadbir urus korporat dengan meningkatkan ketelusan mengenai pelaporan pemunyaan benefisial, menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah berat lain. Pindaan ini juga akan dapat menyokong penilaian *Financial Action Task Force* (FATF) dan *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD).
8. Pindaan RUU ini mengandungi 13 fasal di mana terdapat peruntukan tersebut diimport dari Akta Syarikat dan cadangan pindaan ini akan menyelaraskan pemakaian polisi-polisi antara perundangan yang dikawal selia oleh SSM. Terdapat 3 polisi pindaan RUU seperti berikut:

Polisi 1: Pengenalan Kerangka Pelaporan Pemunyaan Benefisial

9. Keperluan untuk mengatasi jurang perundangan supaya selaras dengan Akta Syarikat dengan amalan terbaik piawaian antarabangsa seperti FATF dan OECD.
10. Cadangan ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan SSM dan akan membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia termasuk Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk memudahkan siasatan dan membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan seperti PLT menjalankan aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya.

11. Cadangan pindaan-pindaan bagi mengatasi jurang perundangan berkaitan pemunyaan benefisial adalah seperti berikut:
- i. memberikan definisi pemunya benefisial dari perspektif pemunyaan sumbangan modal atau kawalan ke atas pengurusan PLT;
 - ii. mewajibkan PLT untuk menyimpan daftar pemunya benefisial serta keperluan mengemas kini daftar tersebut;
 - iii. menjelaskan obligasi mana-mana orang untuk memaklumkan PLT sekiranya mereka merupakan pemunya benefisial; dan
 - iv. memberikan kuasa kepada Menteri KPDN untuk menentukan kelas PLT yang tidak perlu membuat pelaporan di bawah Akta 743 kerana telah tertakluk kepada perundangan lain yang serupa dan pihak yang boleh diberikan akses berkaitan maklumat pemunya benefisial tersebut.

Polisi 2 : Pengenalan Kerangka Mekanisme Penyelamat Korporat

12. Akta 743 sedia ada tidak mempunyai sebarang peruntukan mekanisme penyelamat korporat.
13. Cadangan mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat (*corporate voluntary arrangement*) dan pengurusan kehakiman (*judicial management*) agar PLT yang mengalami masalah kewangan boleh diselamatkan.
14. Inisiatif ini akan memberi implikasi perundangan positif dan PLT boleh terus beroperasi dan berdaya maju di mana tindakan penggulungan merupakan opsyen terakhir.
15. Pindaan ini juga membolehkan tindakan penggulungan menjadi pilihan terakhir apabila PLT mengambil tindakan untuk rehabilitasi secara perkiraan sukarela korporat atau pengurusan kehakiman.
16. Dalam keadaan PLT mengalami insolvensi dan gagal membayar hutang, kontrak pembekalan barang dan perkhidmatan perlu, hendaklah diteruskan dalam tempoh 30 hari.

Polisi 3 : Penambahbaikan Amalan dan Tadbir Urus Korporat

17. Usaha berterusan SSM untuk memastikan tahap tadbir urus korporat yang tinggi, penambahbaikan kepada Akta 743 turut dicadangkan untuk menggalakkan pematuhan dan memudahkan urusan perniagaan.
18. Langkah-langkah penambahbaikan oleh SSM dengan menggunakan laman sesawang rasmi SSM boleh memudahkan dan digunakan untuk menerbitkan maklumat dan warta menggantikan keperluan perundangan bagi menangani isu-isu praktikal pengiklanan dalam surat khabar. Bagi mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi, laman sesawang rasmi SSM akan digunakan memandangkan tiada lagi edaran surat khabar fizikal secara meluas di seluruh Malaysia.
19. Cadangan memperkenalkan peruntukan baharu untuk memperuntukkan tempoh pematuhan iaitu 30 hari bagi apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempoh pematuhannya tidak dinyatakan dalam Akta 743.

BAHAGIAN IV

PEMERHATIAN DAN PENELITIAN JAWATANKUASA

Setelah mendengar pembentangan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan seperti berikut:

1. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat perbezaan entiti perkongsian konvensional dan perkongsian liabiliti terhad. Antara contoh entiti PLT ialah seperti PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) dan Ernst and Young PLT yang merupakan jenis perniagaan perkhidmatan profesional.
2. Jawatankuasa mengambil maklum RUU PLT (Pindaan) 2024 tidak dibawa bersekali dengan RUU Syarikat (Pindaan) 2023 dan mengambil masa hampir tiga tahun kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada waktu tersebut.
3. Jawatankuasa mengambil maklum pengenalan dasar dan peraturan baharu ini bertujuan untuk membendung aktiviti salah guna dan penyelewengan. Pindaan RUU ini bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah salah guna PLT.
4. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai garis panduan mekanisme penyelamat korporat melalui pelan rehabilitasi atau penyusunan semula hutang entiti PLT.
5. Jawatankuasa mengambil maklum pindaan ini telah mengambil kira pandangan pemegang taruh dan pemain industri antaranya termasuk institusi kewangan dan badan profesional.
6. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa peruntukan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 adalah selari dengan prinsip syariah yang telah dikaji oleh *Law Harmonisation Committee* yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia semasa semakan undang-undang ke atas Akta Syarikat 1965 dilaksanakan.
7. Jawatankuasa bersetuju bahawa pindaan RUU ini juga dapat meningkatkan tanggungjawab PLT dalam memberikan laporan maklumat kepada SSM mengenai data-data berkaitan pemunya benefisial.
8. Jawatankuasa bersetuju dengan semua cadangan SSM yang mengemukakan pindaan RUU ini untuk menambah baik dan memperkenalkan kerangka mekanisme penyelamat korporat atau rehabilitasi dan kerangka pelaporan pemunya benefisial di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

BAHAGIAN V

RUMUSAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa berpandangan bahawa pindaan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 akan membawa kebaikan bukan setakat kepada PLT, tetapi kepada industri dan juga perkembangan ekonomi.

Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju mengesyorkan agar Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 ini diluluskan di Dewan Rakyat.

BAHAGIAN VI

PENGHARGAAN

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:

- i. Parlimen Malaysia;
- ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup; dan
- iii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

LAMPIRAN MESYUARAT
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

| NO | LAMPIRAN | DRAF KERJA | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--|-------------------|
| 1 | Lampiran A | Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 – D.R. 7/2024 | 1 |
| 2 | Lampiran B | Pembentangan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia | 19 |
| 3 | Lampiran C | Maklum Balas Bertulis Suruhanjaya Syarikat Malaysia Mengenai Isu-Isu Berbangkit daripada Mesyuarat JKPK Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan 5 Tahun 2024 | 31 |

LAMPIRAN A

D.R. 7/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 10

2. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 10(2)—

(a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (e); dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:
 - “(ea) pemunyaan benefisial sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 20c(1);
 - “(eb) jumlah modal sumbangan oleh setiap pekongsi; dan”.

Pindaan seksyen 19

3. Subseksyen 19(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (g); dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
 - “(ga) daftar pemunyaan benefisial; dan”.

Bahagian baharu IIIA

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 20 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIIA

PEMUNYAAN BENEFISIAL

Pemunyaan benefisial perkongsian liabiliti terhad

20A. (1) Seseorang ialah pemunyaan benefisial bagi suatu perkongsian liabiliti terhad jika orang itu ialah orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau yang mempunyai kawalan mutlak ke atas suatu perkongsian liabiliti terhad dan termasuk seseorang yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu perkongsian liabiliti terhad.

(2) Pendaftar boleh mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemunyaan benefisial bagi suatu perkongsian liabiliti terhad.

Daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad

20B. (1) Tiap-tiap perkongsian liabiliti terhad hendaklah menyimpan suatu daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu dan merekodkan dalam daftar itu—

- (a) nama penuh, alamat, kewarganegaraan, pengenalan dan tempat kediaman biasa orang yang merupakan pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu;
- (b) tarikh orang itu menjadi seorang pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu;
- (c) tarikh orang itu terhenti daripada menjadi pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad hendaklah disimpan di pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad itu atau mana-mana tempat lain di Malaysia sebagaimana yang diberitahu kepada Pendaftar.

(3) Perkongsian liabiliti terhad hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis tentang apa-apa perubahan kepada butir-butir dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad.

(4) Apa-apa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) hendaklah diserah simpan dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu direkodkan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu.

(5) Perkongsian liabiliti terhad hendaklah memegang simpan maklumat seseorang yang telah direkodkan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu sebagai pemunya benefisial tetapi kemudiannya terhenti menjadi pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu selama tujuh tahun dari tarikh orang itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(6) Perkongsian liabiliti terhad dan tiap-tiap pekongsi dan pegawai pematuhan yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(7) Pendaftar hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang perlu disimpan di bawah subseksyen (1) dan diserah simpan di bawah subseksyen (3).

(8) Daftar pemunya benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar di bawah Akta ini.

(9) Menteri boleh, berhubung dengan akses kepada daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad yang disimpan di pejabat berdaftar sesuatu perkongsian liabiliti terhad atau maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan Pendaftar, menetapkan—

- (a) mana-mana orang atau golongan orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad atau maklumat pemunyaan benefisial;
- (b) cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad atau maklumat pemunyaan benefisial; dan
- (c) fi bagi pembekalan maklumat pemunyaan benefisial.

(10) Dalam seksyen ini, “pengenalan” ertiannya, dalam hal mana-mana orang yang dikeluarkan dengan kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78], nombor kad pengenalan itu, dan dalam hal seseorang itu tidak dikeluarkan dengan kad pengenalan, butir-butir pasport atau keterangan pengenalan lain yang seumpama sebagaimana yang ada.

Kuasa perkongsian liabiliti terhad untuk menghendaki penzahiran pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad

20c. (1) Suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana pekongsi perkongsian liabiliti terhad dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk memaklumkan perkongsian liabiliti terhad sama ada pekongsi itu merupakan pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu atau jika pekongsi itu bukan pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang itu dengan nama dan dengan butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti sebagai pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 20B(1).

(2) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang merupakan pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah melalui notis secara bertulis, menghendaki orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada orang itu merupakan pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu atau jika orang itu bukan pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu, untuk menyatakan sama ada orang itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain merupakan pemuna益 benefisial perkongsian liabiliti terhad itu dan untuk memberikan apa-apa butir mengenai orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 20B(1).

(3) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana pekongsi atau orang mengetahui identiti orang yang merupakan pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah melalui notis secara bertulis menghendaki pekongsi atau orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada orang itu mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain itu merupakan pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu dan memberikan apa-apa butir-butir mengenai orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 20B(1).

(4) Apabila suatu perkongsian liabiliti terhad menerima maklumat daripada seseorang yang kepadanya notis diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh maklumat itu diterima, merekodkan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu—

- (a) tarikh notis yang menghendaki maklumat itu telah dikeluarkan; dan
- (b) butir-butir maklumat yang diterima daripada orang itu.

(5) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perubahan telah berlaku terhadap butir-butir pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu—

- (a) untuk mengesahkan sama ada perubahan itu telah berlaku atau tidak; dan

(b) jika perubahan itu telah berlaku—

- (i) untuk menyatakan tarikh perubahan itu; dan
- (ii) untuk memberikan butir-butir mengenai perubahan itu.

(6) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa butir-butir pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad mungkin tidak betul, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu untuk mengesahkan sama ada butir-butir itu adalah betul, dan jika tidak betul, untuk memberikan butir-butir yang betul.

(7) Perkongsian liabiliti terhad dan tiap-tiap pekongsi dan pegawai pematuhan yang melanggar subseksyen (1), (2), (3), (4), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana notis di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan melainkan jika orang itu membuktikan bahawa maklumat yang diperkatakan itu telah berada dalam milikan perkongsian liabiliti terhad itu atau bahawa kehendak untuk memberikan maklumat itu adalah atas apa-apa sebab lain yang remeh atau menyusahkan.

(9) Mana-mana orang yang berupa mematuhi mana-mana notis di bawah seksyen ini membuat apa-apa pernyataan yang dia tahu adalah palsu atau dengan melulu membuat apa-apa pernyataan palsu melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad untuk memberikan maklumat

20D. (1) Seseorang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia merupakan pemunya benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan—

(a) memberitahu perkongsian liabiliti terhad itu bahawa dia merupakan pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu; dan

(b) memberikan maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Seseorang yang merupakan pemunya benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah memberitahu perkongsian liabiliti terhad itu mengenai apa-apa perubahan butir-butirnya dalam daftar pemunya benefisial perkongsian liabiliti terhad itu.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi pemunya benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah memberitahu perkongsian liabiliti terhad itu, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai perubahan itu dengan menyatakan—

(a) tarikh pemberhentian itu berlaku; dan

(b) butir-butir pemberhentian itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian daripada Bahagian ini

20E. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan apa-apa kelas perkongsian liabiliti terhad daripada pemakaian Bahagian ini sama ada tidak bersyarat atau tertakluk kepada apa-apa terma yang boleh dikenakan oleh Menteri, jika perkongsian liabiliti terhad itu tertakluk kepada apa-apa kehendak di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang serupa dengan Bahagian ini.”.

Pindaan seksyen 27

5. Perenggan 27(7)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 17, 19 dan 20” dengan perkataan “seksyen 17, 19, 20, 20c dan 20D”.

Pindaan Bahagian VII

6. Tajuk di Bahagian VII Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan “PENGGULUNGAN” perkataan “PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT, PENGURUSAN KEHAKIMAN,”.

Seksyen baharu 49A dan 49B

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 49 seksyen yang berikut:

“Perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman

49A. (1) Kecuali seksyen 395 dan 403 dan perenggan 1 Jadual Kelapan, peruntukan Penggal 8 Bahagian III (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 2016 dan Kaedah-Kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat 2018 [P.U. (A) 64/2018] hendaklah terpakai bagi perkiraan sukarela dan pengurusan kehakiman perkongsian liabiliti terhad tertakluk kepada apa-apa ubah suaian dan penyesuaian yang perlu, dan khususnya ubah suaian yang berikut:

- (a) sebutan mengenai “syarikat” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai perkongsian liabiliti terhad;
- (b) sebutan mengenai “perlembagaan” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai perjanjian perkongsian;
- (c) sebutan mengenai “pengarah” atau “anggota” sesuatu syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad;
- (d) sebutan mengenai “ketetapan” sesuatu syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai penentuan atau keputusan perkongsian liabiliti terhad; dan
- (e) sebutan mengenai “syer” seorang anggota syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai kepentingan mana-mana pekongsi perkongsian liabiliti terhad.

(2) Apabila suatu mesyuarat perkongsian liabiliti terhad dipanggil lanjutan daripada pemakaian seksyen 399 Akta Syarikat 2016 bagi perkiraan sukarela perkongsian liabiliti terhad, mesyuarat itu hendaklah dilaksanakan—

- (a) mengikut perjanjian perkongsian; dan

- (b) dalam ketiadaan apa-apa peruntukan yang berhubungan dengan pengundian suatu keputusan dalam perjanjian perkongsian, mengikut perenggan 8 Jadual Kedua kepada Akta.

Perlindungan barang dan perkhidmatan perlu

49B. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), suatu klausa yang berkaitan dengan insolvensi di bawah mana-mana kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu tidak boleh dilaksanakan terhadap mana-mana perkongsian liabiliti terhad.

(2) Seseorang pembekal yang berhasrat untuk menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi dalam suatu kontrak hendaklah memaklumkan niatnya untuk memelihara haknya di bawah klausa yang berkaitan dengan insolvensi itu kepada perkongsian liabiliti terhad secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi mengikut kontrak itu.

(3) Seksyen ini tidak menghalang pembekal daripada menjalankan haknya yang lain, termasuk hak untuk menerima bayaran bagi barang dan perkhidmatan perlu yang diberikan kepada suatu perkongsian liabiliti terhad, di bawah kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “klausa yang berkaitan dengan insolvensi” ertiinya suatu terma kontrak yang—

- (i) memberkati penamatkan automatik suatu kontrak barang dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barang dan perkhidmatan perlu, ubah suai hak antara pembekal dan perkongsian liabiliti terhad di bawah kontrak semata-mata kerana perkongsian liabiliti terhad itu menjadi tertakluk kepada prosiding berhubung dengan perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman; atau

- (b) dalam ketiadaan apa-apa peruntukan yang berhubungan dengan pengundian suatu keputusan dalam perjanjian perkongsian, mengikut perenggan 8 Jadual Kedua kepada Akta.

Perlindungan barang dan perkhidmatan perlu

49B. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), suatu klausa yang berkaitan dengan insolvensi di bawah mana-mana kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu tidak boleh dilaksanakan terhadap mana-mana perkongsian liabiliti terhad.

(2) Seseorang pembekal yang berhasrat untuk menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi dalam suatu kontrak hendaklah memaklumkan niatnya untuk memelihara haknya di bawah klausa yang berkaitan dengan insolvensi itu kepada perkongsian liabiliti terhad secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi mengikut kontrak itu.

(3) Seksyen ini tidak menghalang pembekal daripada menjalankan haknya yang lain, termasuk hak untuk menerima bayaran bagi barang dan perkhidmatan perlu yang diberikan kepada suatu perkongsian liabiliti terhad, di bawah kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “klausa yang berkaitan dengan insolvensi” ertiinya suatu terma kontrak yang—

- (i) memberkati penamatkan automatik suatu kontrak barang dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barang dan perkhidmatan perlu, ubah suaian hak antara pembekal dan perkongsian liabiliti terhad di bawah kontrak semata-mata kerana perkongsian liabiliti terhad itu menjadi tertakluk kepada prosiding berhubung dengan perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman; atau

- (ii) membenarkan pembekal untuk menamatkan kontrak barang dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barang dan perkhidmatan perlu, menguatkuasakan apa-apa hak atau mengubah mana-mana obligasi di bawah suatu kontrak semata-mata kerana perkongsian liabiliti terhad itu menjadi tertakluk kepada prosiding berhubung dengan perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman;
- (b) “barang dan perkhidmatan perlu” ertinya barang dan perkhidmatan perlu yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.”.

Seksyen baharu 70A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 70 seksyen yang berikut:

“Masa bagi pematuhan kehendak di bawah Akta

70A. Jika apa-apa tindakan atau dokumen dikehendaki dalam mematuhi Akta ini dan tempoh bagi pematuhan tidak ditetapkan, masa untuk mematuhi hendaklah dalam masa tiga puluh hari dari tindakan atau dokumen itu dikehendaki supaya dipatuhi.”.

Penggantian seksyen 76

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 76 dengan seksyen yang berikut:

“Penyampaian dokumen kepada perkongsian liabiliti terhad

76. Suatu dokumen boleh disampaikan kepada perkongsian liabiliti terhad—

- (a) melalui pos atau pos berdaftar ke pejabat berdaftar yang terakhir diketahui atau tempat utama perniagaan berdaftarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

- (b) secara elektronik ke alamat atau nombor yang diberikan oleh perkongsian liabiliti terhad.”.

Seksyen baharu 76A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 76 seksyen yang berikut:

“Penyiaran atau iklan dalam laman sesawang

76A. Jika apa-apa maklumat dikehendaki untuk disiarkan atau diiklankan dalam suatu surat khabar di bawah Akta ini, mana-mana orang boleh, sebagai ganti kepada penyiaran atau pengiklanan maklumat itu dalam surat khabar, menyiaran atau mengiklankan maklumat itu dalam laman sesawang Suruhanjaya dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar selepas pembayaran fi yang ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 91

11. Subseksyen 91(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) mana-mana orang atau golongan orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial atau maklumat pemunyaan benefisial, cara dan terma dan syarat untuk mengakses daftar itu;”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) apa-apa perkara yang berhubungan dengan suatu perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan;”.

Jadual baharu

- 12.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketiga jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT

[Subseksyen 49B(4)]

JENIS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN PERLU

1. Bekalan air
2. Bekalan elektrik
3. Bekalan gas
4. Terminal pusat jualan
5. Perisian dan perkakasan komputer
6. Maklumat, nasihat dan bantuan teknikal yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat
7. Pemprosesan dan penyimpanan data
8. Penganjur laman sesawang”.

Kecualian

- 13.** Apa-apa penyiasatan, perbicaraan, prosiding atau tindakan yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (“Akta 743”) untuk memasukkan peruntukan yang berhubungan dengan kerangka pelaporan dan penzahiran maklumat pemunyaan benefisial serta memperkenalkan konsep perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman kepada perkongsian liabiliti terhad dengan menerima pakai kerangka di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 10(2) Akta 743 untuk memasukkan perenggan baharu (*ea*) dan (*eb*) menghendaki perkongsian liabiliti terhad untuk menyerah simpan dengan Pendaftar butir-butir berdaftar yang termasuk butir-butir mengenai maklumat pemunaian benefisial dan sumbangan modal setiap pekongsi bagi maksud pendaftaran.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 19(1) Akta 743 untuk menghendaki sesuatu perkongsian liabiliti terhad menyimpan daftar pemunaian benefisial di pejabat berdaftarnya.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IIIA ke dalam Akta 743 yang memperkatakan tentang pemunaian benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad.

Seksyen 20A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemunyaan benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad.

Seksyen 20B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi obligasi untuk menyimpan dan menyenggara daftar pemunaian benefisial sesuatu perkongsian liabiliti terhad dan menyerah simpan maklumat pemunaian benefisial dengan Pendaftar. Hanya orang atau kelas orang yang ditetapkan oleh Menteri, termasuk agensi penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa berwibawa yang kompeten, boleh mengakses daftar pemunaian benefisial perkongsian liabiliti terhad dan maklumat pemunaian benefisial.

Seksyen 20C yang dicadangkan bertujuan untuk memberi perkongsian liabiliti terhad kuasa untuk menghendaki penzahiran pemunaian benefisialnya. Seksyen baharu ini membolehkan perkongsian liabiliti terhad mendapatkan maklumat pemunaian benefisial atau mengesahkan ketepatan maklumat itu daripada mana-mana orang yang perkongsian liabiliti terhad itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai sebagai pemilik benefisial perkongsian liabiliti terhad itu.

Seksyen 20D yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas pemunaian benefisial untuk memberitahu perkongsian liabiliti terhad apabila dia menjadi pemunaian benefisial atau jika terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat pemunaian benefisial perkongsian liabiliti terhad.

Seksyen 20E yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Bahagian IIIA bagi semua perkongsian liabiliti terhad kecuali kelas perkongsian liabiliti terhad tertentu yang tertakluk kepada kewajipan serupa mengenai pelaporan pemunyaan benefisial di bawah undang-undang bertulis lain. Pengecualian ini bertujuan untuk mengurangkan beban pentadbiran perkongsian liabiliti terhad dan mengelakkan pertindihan pengawalseliaan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 27(7)(a) Akta 743 untuk mengenakan tanggungjawab tambahan kepada pegawai pematuhan bagi menyenggara daftar pemunyaan benefisial dan menghendaki penzahiran pemunyaan benefisial.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian VII Akta 743 untuk memasukkan perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman sebagai sebahagian daripada tajuk itu.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 49A dan 49B ke dalam Akta 743.

Seksyen 49A yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan mekanisme penyelamat korporat bagi perkongsian liabiliti terhad dalam bentuk perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman. Dalam hal perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman perkongsian liabiliti terhad, peruntukan Penggal 8 Bahagian III Akta Syarikat 2016 dan Kaedah-Kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat 2018 [P.U. (A) 64/2018] hendaklah terpakai.

Seksyen 49B yang dicadangkan bertujuan untuk mengawal selia pemakaian klausu insolvensi di bawah mana-mana kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu antara pembekal dengan perkongsian liabiliti terhad yang melaksanakan perkiraan sukarela atau di bawah pengurusan kehakiman.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 70A ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan tempoh pematuhan berkaitan dengan apa-apa tindakan atau berkaitan dengan dokumen apabila tempoh pematuhanya tidak ditetapkan di bawah Akta ini.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan seksyen 76 dalam Akta 743 dengan seksyen baharu yang memberarkan penyampaian dokumen kepada perkongsian liabiliti terhad sama ada melalui pos atau secara elektronik.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 76A ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan bahawa laman sesawang Suruhanjaya boleh digunakan untuk menyiarkan maklumat yang selainnya dikehendaki disiarkan dalam surat khabar.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan perenggan 91(1)(aa) dan (ba) ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan akses kepada maklumat pemunaian benefisial serta yang berhubungan dengan perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan jadual baharu ke dalam Akta 743. Jadual baharu Keempat menyenaraikan barang dan perkhidmatan perlu yang dilindungi di bawah seksyen 49B Akta 743.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.
15. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3331]



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

SESI TAKLIMAT RUU PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024 OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

KANDUNGAN



RANG UNDANG- UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN) 2024

01

Objektif Pindaan

02

Pengenalan Perkongsian Liabiliti Terhad

03

Proses Konsultasi dan Status Terkini

04

Senarai Polisi-Polisi Pindaan

05

Cadangan Pindaan Menurut Polisi

OBJEKTIF PINDAAN



Menyokong perkembangan ekonomi dan kesejahteraan negara



Mendokong ketelusan dalam tadbir urus korporat



Membantu sektor korporat dalam bentuk PLT yang menghadapi masalah kewangan untuk dipulihkan dan terus berdaya saing melalui pengenalan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi

Memastikan PLT terus beroperasi dan menjana pendapatan pasca COVID 19

Secara amnya dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran pada tahap yang rendah di Malaysia

Meningkatkan ketelusan mengenai pelaporan pemunyaian benefisial

Menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah berat lain

Menyokong penilaian *Financial Action Task Force (FATF)* dan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* pada 2024/2025 ke atas Malaysia

3

PENGENALAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD



4

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)



- Merupakan bentuk perniagaan yang diperkenalkan di bawah Akta Perkongsian Libiliti Terhad 2012 [Akta 743]. Setakat 29 Februari 2024 terdapat 34,358 PLT aktif dalam daftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- Menggabungkan ciri-ciri syarikat dan perkongsian konvensional:
 - Memberikan keistimewaan liabiliti terhad kepada pekongsi.
 - Urusan dalaman yang lebih fleksibel.
- Pekongsi boleh terdiri daripada individu atau perbadanan pertubuhan atau kedua-duanya.

■ Ciri-ciri utama PLT:

- Satu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang berasingan (*body corporate with a separate legal personality*). Seksyen 3 Akta 743.
- Kekal turun temurun (*having perpetual succession*)
- Perubahan dalam pekongsi tidak menjaskan PLT atau liabilitinya.
- Mempunyai keupayaan tidak terhad (*unlimited capacity*).

5

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)



■ PLT vs. Perkongsian Konvensional:

- Perkongsian konvensional tidak mempunyai keperibadian perudangan yang berbeza dengan pekongsi.
- Liabiliti pekongsi adalah tidak terhad, tetapi liabiliti pekongsi di dalam PLT adalah terhad kepada modal sumbangan.
- Perkongsian konvensional akan “terbubar” sekiranya terdapat pertukaran pekongsi, sebaliknya PLT bersifat turun temurun (*perpetual succession*).
- Harta perkongsian konvensional dipunyai oleh pekongsi secara kolektif tetapi harta PLT adalah milik entiti PLT itu sendiri dan bukan milik pekongsi secara individu.

■ PLT vs. Syarikat:

- Konsep syer (saham) tidak terpakai, sebaliknya kepentingan pekongsi adalah berdasarkan modal sumbangan.
- Membuat keputusan secara lebih fleksibel, tiada keperluan untuk AGM.
- Tiada keperluan untuk menyerahsimpan penyata kewangan dengan Pendaftar.
- Tiada keperluan lantikan juruaudit.

6

PROSES KONSULTASI DAN STATUS TERKINI



7

SENARAI POLISI-POLISI PINDAAN



Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 (RUU) mengandungi 12 fasal yang terdiri daripada tiga (3) polisi:

- **Polisi 1:** pengenalan kerangka pelaporan pemunyanan benefisial berkaitan PLT*;
- **Polisi 2:** pengenalan kerangka mekanisme penyelamat korporat bagi PLT*;
- **Polisi 3:** pengemaskinian dan pengukuhan prosedur bagi menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang mampan.

*Nota:

- Polisi 1 dan 2 yang dicadangkan di dalam RUU ini merupakan polisi-polisi yang sama yang diperuntukkan di dalam Akta Syarikat 2016 dan pindaan tambahan di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2024 yang telah diluluskan pada 13 Disember 2023.
- Cadangan pindaan ini juga akan menyelaraskan pemakaian polisi-polisi antara perundangan yang dikawal selia oleh SSM.

8

POLISI I

PENGENALAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL UNTUK PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Polisi ini merupakan polisi yang sama seperti yang telah diperkenalkan di dalam AS 2016 melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701]

9

POLISI 1: PENGENALAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

- Seperti syarikat, PLT juga perlu melaporkan pemunyaan benefisial kerana pekongsinya boleh terdiri daripada pertubuhan perbadanan (*body corporate*).
- Pada masa ini, Akta 743 tidak mempunyai sebarang peruntukan berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial.
- Terdapat keperluan untuk mengatasi jurang perundungan supaya selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh agensi antarabangsa seperti FATF dan OECD
- Cadangan ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan SSM dan akan membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia termasuk Polis Diraja Malaysia, BNM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk memudahkan siasatan dan membanteras jenayah serius yang berselindung di sebalik entiti perniagaan seperti PLT menjalankan aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya

10

POLISI 1: PENGENALAN KERANGAKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL (SAMBUNGAN)



Antara pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi mengatasi jurang perundungan berkaitan BO adalah seperti berikut:

- i. memberikan definisi pemunya benefisial dari perspektif pemunyaan sumbangan modal atau kawalan ke atas pengurusan PLT;
- ii. mewajibkan PLT untuk menyimpan daftar pemuna benefisial serta keperluan mengemas kini daftar tersebut;
- iii. menjelaskan kewajipan pelaporan pemunaian benefisial kepada Pendaftar melalui serah simpan perakuan PLT serta pengemaskinian maklumat pemuna benefisial apabila terdapat perubahan;
- iv. menjelaskan obligasi mana-mana orang untuk memaklumkan PLT sekiranya mereka merupakan pemuna benefisial; dan
- v. memberikan kuasa kepada Menteri KPDN untuk menentukan kelas PLT yang tidak perlu membuat pelaporan di bawah Akta 743 kerana telah tertakluk kepada perundungan lain yang serupa dan pihak yang boleh diberikan akses berkaitan maklumat pemuna benefisial tersebut.

11

POLISI 1: PENGENALAN KERANGAKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL



| Peruntukan | Keterangan |
|------------------|--|
| Subseksyen 10(2) | memperuntukkan bahawa suatu perkongsian liabiliti terhad perlu menyerahsimpan kepada Pendaftar maklumat pemuna benefisial dan maklumat modal perkongsian setiap pekongsi semasa pendaftaran; |
| Subseksyen 19(1) | memperkenalkan daftar pemuna benefisial di dalam daftar yang di simpan di pejabat berdaftar sesuatu perkongsian liabiliti terhad |
| Seksyen 20A | memperkenalkan Bahagian IIIA dan seksyen-seksyen baharu ke dalam Akta 743 yang menyatakan tentang pemunaian benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad. Seksyen 20A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan definisi pemuna benefisial suatu perkongsian liabiliti terhad. Pemuna benefisial merujuk kepada orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau mempunyai kawalan mutlak ke atas suatu perkongsian liabiliti terhad dan termasuk seseorang individu yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu perkongsian liabiliti terhad. Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenalpasti pemuna benefisial. |

12

POLISI 1: PENGENALAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

| Peruntukan | Keterangan |
|-------------|--|
| Seksyen 20B | memperuntukkan obligasi untuk menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemunyaan benefisial dan menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial dengan Pendaftar. Hanya orang atau kelas orang yang ditetapkan oleh Menteri, termasuk agensi penguatkuasa undang-undang dan pihak autoriti yang kompeten, boleh mengakses daftar pemunaian benefisial dan maklumat pemunyaan benefisial. |
| Seksyen 20C | memberi kuasa kepada suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menghendaki pendedahan pemunaian benefisialnya. Seksyen baharu ini membolehkan perkongsian liabiliti terhad mendapatkan maklumat pemunaian benefisial atau mengesahkan ketepatan maklumat itu daripada mana-mana orang yang perkongsian liabiliti terhad ketahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk dipercayai sebagai pemilik benefisial perkongsian liabiliti terhad |
| Seksyen 20D | mengenakan kewajipan ke atas pemunaian benefisial untuk memberitahu perkongsian liabiliti terhad bila dia menjadi pemunaian benefisial atau jika terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat pemunaian benefisial |

13

POLISI 1: PENGENALAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL

| Peruntukan | Keterangan |
|--------------------|---|
| Seksyen 20E | memperkenalkan pemakaian Bahagian IIIA yang baharu kepada semua perkongsian liabiliti terhad kecuali kelas perkongsian liabiliti terhad tertentu yang tertakluk kepada kewajipan sama berhubung pelaporan pemunaian benefisial di bawah undang-undang bertulis lain. Pengecualian ini bertujuan untuk mengurangkan beban pentadbiran perkongsian liabiliti terhad dan mengelakkan pertindihan perundangan |
| Perenggan 27(7)(a) | mengenakan tanggungjawab tambahan kepada pegawai pematuhan bagi menyenggara daftar pemunaian benefisial dan menghendaki pendedahan pemunaian benefisial |

14

POLISI 2

PENGENALAN KERANGKA MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT BAGI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Pengenalan polisi ini merupakan adaptasi kerangka mekanisme penyelamat korporat di bawah AS 2016 termasuk penambahbaikan yang telah diluluskan melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024.

15

POLISI 2: PENGENALAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT BAGI PLT

- Buat masa ini, Akta 743 tiada mekanisme penyelamat korporat seperti yang tersedia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].
- Sama seperti syarikat, PLT merupakan perbadanan yang mempunyai keperibadian undang-undang berasingan, adalah bertanggungan sepenuhnya terhadap hutang dan liabiliti perniagaannya dan sewajarnya mekanisme rehabilitasi korporat yang komprehensif perlu juga disediakan bagi membolehkan PLT yang berdaya saing untuk meneruskan perniagaan.
- Maka dicadangkan supaya mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat (*corporate voluntary arrangement*) dan pengurusan kehakiman (*judicial management*) diperkenalkan ke dalam Akta 743 dan boleh diterima pakai oleh PLT yang mengalami masalah kewangan.
- Cadangan ini akan memberikan peluang kepada PLT yang menghadapi masalah kewangan menggunakan mekanisme penyelamat korporat untuk memulihkan kedudukan kewangan mereka melalui proses CVA atau JM.

16

POLISI 2: PENGENALAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT BAGI PLT (SAMBUNGAN)



- Inisiatif ini akan memberi implikasi perundangan positif dan komprehensif bagi memastikan entiti perniagaan seperti perkongsian liabiliti terhad yang berdaya maju diberikan ruang yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus beroperasi terutamanya dalam tempoh pasca pandemik COVID 19.
- Justeru itu, tindakan penggulungan akan hanya menjadi pilihan terakhir setelah entiti perniagaan yang terbabit mengambil tindakan-tindakan lain untuk menyelamatkan aktiviti perniagaannya termasuk melalui skim perkiraan sukarela korporat atau pengurusan kehakiman.

17

POLISI 2: PENGENALAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT BAGI PLT



| Peruntukan | Keterangan |
|-------------|--|
| Seksyen 49A | memperkenalkan peruntukan 49A baharu ke dalam Akta 743. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk memperkenalkan mekanisme penyelamat korporat untuk perkongsian liabiliti terhad dalam bentuk perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman. Bagi tujuan perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman perkongsian liabiliti terhad, peruntukan di Penggal 8, Bahagian III Akta Syarikat 2016 dan Kaedah-Kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat 2018 [PU. (A) 64/2018] hendaklah terpakai |
| Seksyen 49B | memperkenalkan peruntukan 49B baharu ke dalam Akta 743 bagi menangani fasal berkaitan insolvensi di bawah mana-mana kontrak untuk pembekalan barang dan perkhidmatan penting antara pembekal dan perkongsian liabiliti terhad yang melaksanakan perkiraan sukarela atau di bawah pengurusan kehakiman |

18

POLISI 3

PENAMBAHBAIKAN AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

19

POLISI 3: PENAMBAHBAIKAN AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

- Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi, penambahbaikan kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 turut dicadangkan untuk menggalakkan pematuhan dan memudahkan urusan perniagaan.
- Polisi-polisi baharu diperkenalkan secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa komuniti korporat untuk kecekapan lebih tinggi dan tadbir urus yang lebih baik.

20

POLISI 3: PENAMBAHBAIKAN AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT



➤ Antara cadangan pindaan penting adalah seperti berikut:

- Laman sesawang rasmi SSM boleh memudahkan dan digunakan untuk menerbitkan maklumat dan warta menggantikan keperluan perundangan bagi menangani isu-isu praktikal di mana tiada lagi edaran surat khabar fizikal secara meluas di seluruh Malaysia dan boleh mengurangkan kos tinggi untuk pengiklanan
- memperkenalkan peruntukan baharu ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan tempoh pematuhan bagi apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempoh pematuhanya tidak dinayatakan dalam Akta 743
- menyelaraskan cara notis diberikan kepada PLT atau pekongsi PLT dengan Akta-akta lain yang dikawal selia oleh SSM.

21

POLISI 3: PENAMBAHBAIKAN AMALAN DAN TADBIR URUS KORPORAT



| Peruntukan | Keterangan |
|-------------|--|
| Seksyen 70A | memperkenalkan peruntukan 70A baharu ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan tempoh pematuhan bagi apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempoh pematuhanya tidak dinayatakan dalam Akta 743 |
| Seksyen 76 | menggantikan seksyen 76 dalam Akta 743 dengan seksyen baharu yang membenarkan penyampaian dokumen kepada perkongsian liabiliti terhad secara pos atau cara elektronik. |
| Seksyen 76A | memperkenalkan polisi baharu bagi memperuntukkan laman sesawang Suruhanjaya boleh digunakan untuk menyiarkan maklumat yang sebaliknya dikehendaki diterbitkan dalam surat akhbar |

22



TERIMA KASIH

23

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM
NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN PARLIMEN
KELIMA BELAS BIL. 5 TAHUN 2024**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Entiti-entiti perniagaan yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah seperti berikut:
 - (a) **Perkongsian Liabiliti Terhad (Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012)**
 - (b) **Syarikat (Akta Syarikat 2016)**
 - (i) Sendirian Berhad;
 - (ii) Berhad; dan
 - (iii) Syarikat Berhad Menurut Jaminan.
 - (c) **Perniagaan (Akta Pendaftaran Perniagaan 1956)**
 - (i) Milikan Tunggal; dan
 - (ii) Perkongsian.
2. Perbandingan ciri-ciri entiti perkongsian liabiliti terhad, syarikat dan perniagaan adalah seperti di **Jadual 1**. Manakala statistik sektor industri yang didaftarkan di bawah perkongsian liabiliti terhad diperincikan di **Jadual 2**. Untuk makluman, sesebuah perkongsian liabiliti terhad boleh mendaftarkan satu (1) aktiviti perniagaan namun tidak melebihi lima (5) aktiviti.

Jadual 1: Perbandingan Entiti Perkongsian Liabiliti Terhad, Syarikat dan Perniagaan

| NO. | PERKARA | PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD | SYARIKAT | PERNIAGAAN PERKONGSIAN | PERNIAGAAN TUNGGAL |
|-----|--|---|---|---|--|
| 1. | Akta, Kaedah-Kaedah & Peraturan-Peraturan | Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT 2012) Peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 | Akta Syarikat 2016 (AS 2016) Peraturan-Peraturan Syarikat 2017 | Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 | Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) Kaedah-kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 |
| 2. | Nama Entiti | Nama entiti diakhiri dengan perkataan PLT atau Perkongsian Liabiliti Terhad | Nama Syarikat diakhiri dengan perkataan “Sendirian Berhad”, “Sdn. Bhd.”, “Berhad” atau “Bhd.” | Bagi Perniagaan Perkongsian, perniagaan mesti didaftarkan di bawah nama dagangan sahaja - Contoh: ABC Enterprise/ ABC Trading/ ABC Services | Terdapat dua (2) jenis nama perniagaan: Nama Individu - Nama mengikut kad pengenalan Contoh: Mohd Heykal Mirza Bin Joned Nama Dagangan-Contoh: ABC Enterprise/ ABC Trading/ ABC Services Walau bagaimanapun, perniagaan yang didaftarkan menggunakan nama seperti dalam kad pengenalan, tidak dibenarkan untuk mempunyai rakan kongsi. |
| 3. | Sumbangan Modal | Sumbangan pekongsi | Modal saham | Sumbangan dari semua pemilik perniagaan/ rakan kongsi | Sumbangan pemilik perniagaan |

| NO. | PERKARA | PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD | SYARIKAT | PERNIAGAAN PERKONGSIAN | PERNIAGAAN TUNGGAL |
|-----|---|--|---|---|---|
| 4. | Pemilik Perniagaan | Pekongsi memberi modal dalam bentuk sumbangan dan menikmati keuntungan dari PLT | Ahli/ pemegang saham memiliki saham dalam syarikat yang memberi mereka hak tertentu berhubung syarikat | Semua pemilik perniagaan/ rakan-rakan kongsi | Pemilik Tunggal |
| 5. | Status undang-undang | Entiti undang-undang yang berasingan | Entiti undang-undang yang berasingan | Tiada entiti undang-undang yang berasingan | |
| 6. | Pihak yang bertanggung-jawab atas hutang bagi urusniaga perniagaan | PLT | Syarikat | Semua pemilik perniagaan/ rakan-rakan kongsi | Pemilik Tunggal |
| 7. | Tanggung - jawab mengurus perniagaan | Pekongsi | Lembaga Pengarah | Semua pemilik perniagaan/ rakan-rakan kongsi | Pemilik tunggal |
| 8. | Liabiliti Peribadi | Tiada liabiliti peribadi bagi pekongsi, kecuali sekiranya berlaku perbuatan salah laku atau peninggalan atau tanpa kebenaran; Liabiliti ditanggung oleh pekongsi adalah setakat sumbangan modal pekongsi sahaja. | Tiada liabiliti peribadi secara individu bagi pengarah atau pemegang saham; Liabiliti ditanggung oleh pemegang saham setakat saham yang belum dibayar sahaja. | Liabiliti tanpa had (Tanggungjawab bersama dan berasingan dengan perkongsian) yang boleh merangkumi aset peribadi rakan kongsi. | Liabiliti tanpa had yang boleh diperluaskan kepada aset peribadi pemilik tunggal. |
| 9. | Bilangan Pemegang Saham/ Rakan Kongsi | Minima dua (2) dan tiada had maksima | Minima satu (1) Untuk Sdn. Bhd. jumlah maksima adalah seramai lima puluh (50); Untuk Bhd. tiada had maksima | Dua (2) sehingga dua puluh (20) rakan kongsi | Pemilik tunggal sahaja |

| NO. | PERKARA | PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD | SYARIKAT | PERNIAGAAN PERKONGSIAN | PERNIAGAAN TUNGGAL |
|-----|---|--|--|---|---|
| 10. | Yuran Pendaftaran | RM500 | RM1,000 | Nama Dagangan - RM60 setahun | Nama Individu - RM30 setahun Nama Dagangan - RM60 setahun |
| 11. | Setiausaha Syarikat atau Pegawai Pematuhan | Pegawai Pematuhan (sama ada Setiausaha Syarikat berkelayakan atau pekongsi PLT) | Setiausaha Syarikat yang berkelayakan | Tiada | Tiada |
| 12. | Pematuhan Tahunan | Perakuan Tahunan | Penyata Tahunan (PT); Penyata Kewangan dan Laporan Beraudit/ Tidak Beraudit (PK) | Pembaharuan Perniagaan | Pembaharuan Perniagaan |
| 13. | Garis Masa untuk Pematuhan Tahunan | Serah simpan Perakuan Tahunan: Dalam masa 18 bulan daripada tarikh pendaftaran bagi Perakuan Tahunan pertama; dan Secara tahunan dalam masa 90 hari dari berakhirnya tahun kewangan PLT. | Serah simpan PT dalam tempoh 30 hari dari tarikh ulang tahun syarikat; Serah simpan PK bagi: Syarikat persendirian adalah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh PK itu diedarkan; atau - - Syarikat awam adalah dalam tempoh 30 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). | Pembaharuan perniagaan boleh dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh. | Pembaharuan perniagaan boleh dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh. |
| 14. | Keperluan Audit Berkanun | Tidak wajib melainkan ia diperuntukkan dalam perjanjian perkongsian. | PK perlu diaudit namun bagi kategori syarikat tertentu yang sesuai dengan kriteria kelayakan, mereka mungkin dikecualikan | Tiada audit diperlukan. | Tiada audit diperlukan. |

| NO. | PERKARA | PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD | SYARIKAT | PERNIAGAAN PERKONGSIAN | PERNIAGAAN TUNGGAL |
|-----|---|--|---|--|--|
| | | | daripada audit. | | |
| 15. | Penutupan/ Pemberhentian Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Perniagaan | <p>Terdapat dua kaedah penutupan/ pemberhentian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggulungan secara sukarela oleh rakan kongsi; atau • Diwajibkan oleh Mahkamah Tinggi <p>(ii) Pembatalan Nama dengan permohonan pekongsi; atau</p> <ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif Pendaftar. | <p>Terdapat dua kaedah penutupan/ pemberhentian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggulungan secara sukarela oleh ahli atau pembiutang; atau • Diwajibkan oleh Mahkamah Tinggi. <p>(ii) Pembatalan Nama dengan permohonan pengarah, pemegang saham atau pelikuidasi; atau</p> <p>Inisiatif Pendaftar.</p> | <p>Perniagaan yang telah tamat atau tidak menjalankan perniagaan hendaklah didaftarkan penamatan dalam tempoh 30 hari kepada Pendaftar.</p> <p>Sekiranya berlaku kematian rakan kongsi, rakan kongsi sedia ada diberi dua (2) pilihan sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Untuk memfailkan notis penamatan dalam Borang C dalam tempoh empat (4) bulan. (ii) Mengemukakan permohonan perubahan pemilikan perniagaan untuk mengeluarkan rakan kongsi yang meninggal dunia daripada perkongsian. Rakan Kongsi sedia ada dibenarkan meneruskan operasi perniagaan. <p>Lesen perniagaan tidak boleh diperbaharui selepas lebih daripada satu (1) tahun tarikh tamat perniagaan.</p> | <p>Perniagaan yang telah tamat atau tidak menjalankan perniagaan hendaklah didaftarkan penamatan dalam tempoh 30 hari kepada Pendaftar.</p> <p>Sekiranya berlaku kematian pemilikan tunggal, waris mesti memfailkan notis penamatan dalam Borang C dalam tempoh empat (4) bulan.</p> <p>Lesen perniagaan tidak boleh diperbaharui selepas lebih daripada satu (1) tahun tarikh tamat perniagaan.</p> |
| 16. | Ciri-Ciri Utama | Liabiliti terhad; | Liabiliti terhad; | Liabiliti tidak terhad dan tiada entiti undang- | Liabiliti tidak terhad dan tiada entiti |

| NO. | PERKARA | PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD | SYARIKAT | PERNIAGAAN PERKONGSIAN | PERNIAGAAN TUNGGAL |
|-----|----------------------|--|--|---|--|
| | | <p>Pentadbiran mudah (Tidak wajib untuk audit berkanun);</p> <p>Kos pematuhan yang lebih rendah; Pemastautin tempatan diperlukan untuk pegawai pematuhan;</p> <p>Sesuai untuk perniagaan yang baharu dimulakan dengan kos permulaan yang rendah;</p> <p>Kewujudan entiti adalah kekal: Perubahan status pekongsi tidak akan menjelaskan kewujudan pendaftaran PLT;</p> <p>Tidak perlu mendedahkan penyata kewangan kepada orang awam;</p> <p>Tiada pemegang saham.</p> | <p>Seorang pengarah pemastautin tempatan dikehendaki apabila menubuhkan sebuah syarikat;</p> <p>Kos pematuhan yang lebih tinggi; Kerumitan dalam pentadbiran (memerlukan audit berkanun bagi PK, resolusi lembaga dan lain-lain);</p> <p>Kewujudan entiti adalah kekal: Perubahan pengarah atau pemegang saham tidak akan menjelaskan kewujudan pemerbadanan syarikat;</p> <p>Sesuai untuk perniagaan yang memerlukan kos modal yang tinggi;</p> <p>Orang awam akan mendapat akses kepada hal ehwal kewangan syarikat.</p> | <p>undang yang berasingan;</p> <p>Pentadbiran mudah (Tidak wajib untuk audit berkanun);</p> <p>Kos pematuhan yang lebih rendah; Tidak perlu mendedahkan laporan kewangan kepada orang awam.</p> | <p>undang-undang yang berasingan;</p> <p>Pentadbiran mudah (Tidak wajib untuk audit berkanun);</p> <p>Kos pematuhan yang lebih rendah; Tidak perlu mendedahkan laporan kewangan kepada orang awam.</p> |
| 17. | Contoh Entiti | <p>Deloitte PLT 201706000019 (LLP0010145-LCA)</p> <p>Ernst & Young PLT 202006000003 (LLP0022760-LCA)</p> <p>Malaysian Football League PLT</p> | <p>Malayan Banking Berhad 196001000142 (3813-K)</p> <p>U Mobile Sdn Bhd 199101013657 (223969-U)</p> | <p>Mamasab Indahpura Kulai Enterprise 202203120083 (AS0447908-W)</p> | <p>Nama Individu - Abdul Alif Muiz Bin Rohaimi 202003255679 (RA0062372-U)</p> <p>Nama Dagangan -</p> |

| NO. | PERKARA | PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD | SYARIKAT | PERNIAGAAN PERKONGSIAN | PERNIAGAAN TUNGGAL |
|-----|---------|----------------------------------|----------|---------------------------|---|
| | | 201504000101 (LLP0003879-LGN) | | | Mamu Barista Legacy 202003095832 (003103832-D) |

Jadual 2: Statistik Sektor Industri Dalam Perkongsian Liabiliti Terhad Yang Didafarkan Sehingga 29 Februari 2024

| NO. | SEKTOR | JUMLAH |
|---------------|--|---------------|
| 1 | Perdagangan jual borong dan jual runcit, pemberian kenderaan bermotor dan motosikal | 12,647 |
| 2 | Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal | 9,070 |
| 3 | Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman | 3,907 |
| 4 | Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan | 3,570 |
| 5 | Pembuatan | 3,430 |
| 6 | Maklumat dan komunikasi | 3,302 |
| 7 | Pendidikan | 3,034 |
| 8 | Aktiviti kewangan dan insuran/ takaful | 2,933 |
| 9 | Pembinaan | 2,110 |
| 10 | Aktiviti perkhidmatan lain | 1,708 |
| 11 | Aktiviti hartanah | 1,656 |
| 12 | Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial | 1,565 |
| 13 | Pertanian, perhutanan dan perikanan | 1,286 |
| 14 | Kesenian, hiburan dan rekreasi | 1,097 |
| 15 | Pentadbiran awam dan pertahanan, aktiviti keselamatan sosial wajib | 942 |
| 16 | Pengangkutan dan penyimpanan | 879 |
| 17 | Perlombongan dan kuari | 173 |
| 18 | Pembekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan | 126 |
| 19 | Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara | 61 |
| 20 | Aktiviti isi rumah sebagai majikan, aktiviti mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dapat diberikan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri | 26 |
| JUMLAH | | 53,522 |

*Senarai sektor ini adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysia Standard Industrial Classification 2008*) MSIC 2008 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP & PERTANIAN**

**TAKLIMAT MENGENAI
RANG UNDANG-UNDANG
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD
(PINDAAN) 2024 OLEH
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

**BIL. 5
RABU, 20 MAC 2024
彭加兰第三十五回合**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
BIL. 5 TAHUN 2024**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 20 MAC 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

- YB. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Edwin Anak Banta [Selangau]
YB. Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]
YB. Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]
YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

- YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]
YB. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]
YB. Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

URUS SETIA

- Encik Johari bin Junid [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Antarabangsa dan Penyelidikan), Parlimen Malaysia]
En. Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]
Puan Hazliana binti Yahaya [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Farhan binti Mat Arisah [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Aiman Haikal bin Abdul Rahman [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

- YBrs. Tuan Teoh Phi Li [Timbalan Pengarah (Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)]
YBrs. Encik Hamizun bin Hamzah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)]
En. Muhammad Ikrami bin Salehhuddin [Penolong Setiausaha Kanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]

HADIR BERSAMA**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar [Ketua Setiausaha]

YBrs. Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Penasihat Undang-undang]

Puan N. Jaya a/p Nadarajah [Peguam Kanan Persekutuan]

Encik Rajdeep Singh a/l Bhupinder Singh [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz [Ketua Pegawai Eksekutif]

YBrs. Tuan Amir Ahmad [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia dan Penguatkuasaan)]

YBrs. Puan Norhaiza Jemon [Pengarah (Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan)]

YBrs. Tuan Farid Ahmad Pengarah (Bahagian Strategi dan Komunikasi Korporat)]

Encik Yap Weng Seong [Pengurus Kanan (Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan)]

Puan Marina Nathan [Pengurus Kanan (Bahagian Strategi dan Komunikasi Korporat)]

Encik Mohamad Zainal Abidin Ahmad [Pengurus (Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan)]

Puan Ezatul Zuria Ahmad Azhari [Pengurus (Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan)]

Cik Khairani M. Yusof [Pengurus (Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan)]

Cik Shaharmiz Ilyaanee Mahmood Sabri [Eksekutif (Bahagian Strategi dan Komunikasi Korporat)]

Puan Georgiana Johnson [Penyelaras Parlimen SSM]

Encik Mohd Alif Iqbal Ahmad Zahari [Pegawai Khas]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 5 TAHUN 2024

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 20 MAC 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.00 pagi

[Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Penggerusi: Salam sejahtera. Salam perpaduan. Salam Malaysia Madani. Selamat datang kepada semua yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Bilangan 5. Mesyuarat kita ini kali pertama saya rasa *sharp* pukul 11 pagi. Saya panggil *meeting in order* ini kalau ikutkan budaya orang Jepun itu, dia tak boleh lambat satu minit pun. Okey. Jadi pertama saya mengalu-alukan anggota JKPK yang telah berada dalam bilik mesyuarat ini, YB Tenggara, YB Gopeng, YB Selangau, YB Pasing Gudang yang telah berada dalam bilik mesyuarat ini. Saya menjangkakan YB Hulu Terengganu akan hadir sebentar lagi sebab soalan beliau soalan kelapan pada pagi ini.

Okey, saya juga ambil kesempatan pada pagi ini mengalu-alukan kedatangan daripada Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN yang hadir. Selamat datang Dato' Seri dan juga tak lupa Ketua Pegawai Eksekutif, Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah Abdul Aziz hadir kali kedua. Ini RUU yang kedua yang kita berjumpa. Selamat datang Yang Berbahagia Datuk bersama dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Amir Ahmad, Puan Norhaiza dan juga rakan-rakan lain yang turut hadir pada pagi ini.

Tak lupa juga, saya mengucapkan terima kasih kepada wakil ex-officio kita daripada tiga kementerian yang turut serta pada pagi ini dan juga rakan-rakan dalam urus setia yang telah menjayakan segala penyusunan untuk mesyuarat kita pada pagi ini. Hampir-hampir semalam itu kena tukar tempat ya, tapi akhirnya jadi juga dekat sini. *[Ketawa]*. Sebab kalau- kalau betul PMO nak guna itu, kita kena bagi laluan lah. Itu senang cerita tapi dapat bilik yang lebih besar dari ini bilik ini. Jadi ini saya pertama saya ucapkan terima kasih kepada pihak KPDN dan juga SSM yang hadir pada pagi ini.

Semalam iaitu 19 Mac 2024, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membentangkan untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat RUU yang meminda Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012. Ikutkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika itu bacaan kedua akan diadakan, akan dibentangkan untuk Dewan Rakyat pada mesyuarat akan datang. Maknanya, mesyuarat kali kedua yang di jangka pada bulan Jun ke Julai. Tetapi saya anggap ia sebagai satu peluang untuk jawatankuasa menyediakan penyata sebelum bacaan kedua. Seperti mana yang pernah kita buat pada tahun lepas untuk RUU Akta Syarikat sebelum ini, di mana sesi ini membolehkan pihak anggota JKPK mendapat maklumat yang sahih dan juga sebab-sebab pindaan dibuat dan seterusnya menyediakan penyata yang membolehkan banyak perkara sebenarnya telah dijawab.

Jawapan telah ada dalam penyata tersebut yang memudahkan apabila pihak kerajaan, pihak KPDN membentangkannya untuk bacaan kedua, isu dia jadi berkurangan. Saya juga hari ini cukup berbesar hati, sebab biasanya kalau hari itu Akta Syarikat pada tahun lepas libat urus dan Ahli Parlimen dulu lepas itu baru di minta ke sini. Ini belum dengan Ahli Parlimen datang ke sini dulu dan ini adalah bagi saya pengalaman pertama untuk jawatankuasa kita, satu permulaan yang bagi saya sangat baik dan sangat dialu-alukan. Sebelum saya menjemput Yang Berbahagia KSU kita menyampaikan ucapan— lupa tadi, saya juga mengucapkan selamat berpuasa kepada rakan-rakan. Sebab inilah mesyuarat yang kita tak boleh hidangkan apa-apa ya. [Ketawa].

Mungkin sebab bulan Ramadan ini kita boleh mesyuarat *sharp* pukul 11 tahu, *on record* ini kali pertama saya boleh panggil mesyuarat *sharp* pukul 11. Biasa mesti lambat sikit, so elok kalau bulan puasa ini kita banyak— elok ada puasa itu, semua tepat sebab kami ada ini YB Tenggara, YB Pasir Gudang, YB Gopeng. Kami ada pengalaman pergi Jepun tahun lepas, orang Jepun ini dia tak nak datang awal tapi dia tak boleh datang lambat. *You* lambat satu minit, muka dia jadi lain macam. Kalau *you* kata 11 itu, 11.01 muka dia jadi lain macam tahu. Kalau kita ini, tak apa setakat beberapa minit itu, tak ada masalah lah. Jangan lama sangat cukup. So, itu memang budaya dia orang. Jadi dengan kata-kata tersebut tanpa melengahkan masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, KSU untuk menyampaikan sepatah dua kata. Dipersilakan Dato' Seri.

Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar [Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Yang Berhormat Tuan Hassan Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang; Yang Berhormat Tuan Manndzri

Nasib, Ahli Parlimen Tenggara; Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng dan; tidak lupa Yang Berhormat Tuan Edwin Anak Banta, Ahli Parlimen Selangau.

Pertamanya, saya bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas kerana memberi peluang kepada kami untuk hadir pada hari ini bagi menerangkan secara terperinci berhubung dengan cadangan pindaan Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 dan kita mengharapkan melalui sesi bersama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan dapat membantu bagi mempermudahkan proses pindaan itu yang akan— sebagai mana Yang Berhormat sebut tadi, Bacaan kali keduanya mungkin pada *seating* yang akan datang.

Itulah harapan kami supaya kerana pindaan ini kita— pindaan seumpama ini pun kita dah buat kepada Akta Syarikat sebelum ini. Itu sebenarnya isinya lebih— kandungannya lebih kurang sama sahaja. So, saya rasa lebih mudah untuk kita menerangkan khususnya kepada Jawatankuasa Pilihan Khas terlebih dahulu sebelum kita berjumpa dengan *backbencher* nantilah. So, tanpa melengahkan masa saya rasa untuk penerangan yang terperinci, saya jemput Datuk Nor Azimah ya? YB ya, izinkan saya untuk saya jemput Datuk Azimah untuk menerangkan secara terperinci. Sekian, terima kasih.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz [Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]: Terima kasih Dato' Seri. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Yang sangat dihormati Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin, Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian Parlimen Ke-15. Mesyuarat ini ialah mesyuarat bilangan ke-5 tahun 2024. Saya terus kepada pembentangan, Tuan Pengurus YB.

Ada lima perkara yang akan saya kongsikan dalam sesi taklimat pada Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Pertama kita akan melihat objektif pindaan, kemudian pengenalan perkongsian liabiliti terhad sebab tadi disebutkan pindaan yang sama telah pun kami cadangkan ke atas RUU terdahulu pada Disember tahun lalu 2023. RUU itu adalah pindaan kepada Akta Syarikat 2016 dan kali ini adalah RUU bagi Pindaan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad. Jadi kami rasa ada elok kami berikan latar belakang apakah entiti perkongsian liabiliti terhad itu, jadi akan ada pengenalan itu. Kemudian ketiga adalah proses konsultasi dan status terkini yang telah kami laksanakan. Keempat ialah senarai polisi pindaan yang kami cadangkan dan yang

kelima ialah cadangan-cadangan ya pindaan berdasarkan *blue bill* yang telah pun diedarkan kepada YB. Seterusnya, objektif ya. Jadi ada dua sebenarnya, dua-sama seperti RUU Syarikat terdahulu. Dua objektif utama pindaan yang kami cadangkan.

■1110

Pertama adalah menyokong perkembangan ekonomi negara. Sebab kita faham entiti perniagaan adalah membantu menjana ekonomi negara. Jadi, dengan kita mencadangkan pindaan-pindaan ini, kami berharap objektif utama itu adalah untuk membolehkan sektor korporat dan kali ini dalam RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) adalah membolehkan sektor-sektor korporat ataupun entiti yang dalam bentuk Perkongsian Liabiliti Terhad.

Apabila entiti dalam bentuk Perkongsian Liabiliti Terhad ini menghadapi masalah kewangan, mereka boleh menjalankan proses, mungkin mereka mempunyai pilihan untuk mengambil tindakan *rescue mechanism* itu ataupun rehabilitasi dan agar syarikat-syarikat dan entiti yang kita panggil Perkongsian Liabiliti Terhad ini akan lebih boleh dipulihkan dan akan dapat berdaya saing melalui proses rehabilitasi yang lebih baik. *Enhancement* kepada peruntukan yang kami cadangkan.

Keduanya adalah bagi memastikan entiti PLT ataupun Perkongsian Liabiliti Terhad ini dapat terus beroperasi pasca ataupun *post COVID-19* dan juga secara amnya akan dapat mengurangkan kadar pengangguran pada tahap yang rendah di negara kita. Disebabkan PLT ini adalah entiti perniagaan dan apabila mereka dapat terus beroperasi dengan proses-proses rehabilitasi yang berkesan, mereka dapat *retain* lah pekerja-pekerja. Jadi, kita dapat dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan pekerja di entiti Perkongsian Liabiliti Terhad.

Kedua, objektif pindaan yang kedua adalah mendukung ketelusan tadbir urus korporat. Ini juga perkara yang sama. Tadbir urus ataupun ketelusan di sini YB Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa adalah berkaitan dengan penzahiran ataupun pelaporan pemunyaan benefisial yang sama. Berkenaan dengan *beneficial ownership (BO) disclosure*.

Kedua, akan menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah berat yang lain.

Ketiga, menyokong Malaysia dalam penilaian atau penarafan *Financial Action Task Force* (FATF) yang merupakan badan antarabangsa yang membuat penarafan negara-negara termasuk Malaysia berkenaan apakah *framework* perundangan yang kita ada. Adakah dia mematuhi *best practices* ataupun piawaian antarabangsa berkaitan dengan pengubahan wang haram.

Penarafan ini akan berlaku seperti kita maklumkan kepada YB dan anggota mesyuarat ini, akan berlaku pada tahun ini, 2024. *In fact* telah pun berlangsung

sehingga 2025. Kami, SSM berserta Bank Negara dan semua agensi-agensi penguatkuasa sekarang telah pun bermula membuat persediaan menyediakan jawapan dan menyediakan *feedback* kepada Bank Negara berkenaan apakah tindakan-tindakan yang telah pun diambil oleh Malaysia bagi penarafan yang akan dibuat oleh FATF.

Baik. Jadi, saya rasa kita ingin memperkenalkan sebab RUU yang terdahulu adalah berkenaan dengan entiti syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. Ini adalah berkenaan – kali ini adalah RUU Perkongsian Liabiliti Terhad yang kami mohon untuk dipinda. Perkongsian Liabiliti Terhad ini adalah entiti seperti juga kita panggil *body corporate*. Ia adalah di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 ataupun yang kita panggil Akta 743 dan akta ini telah pun mula berkuat kuasa sejak 26 Disember tahun 2012 lagi. Sejak pada tarikh itu pada 2012 sehingga kini setakat 29 Februari 2024, dalam daftar SSM kita ada 34,358 entiti Perkongsian Liabiliti Terhad yang telah pun berdaftar. Ini ialah angka PLT yang aktif dalam daftar SSM. Aktif di sini maksudnya mereka memang setiap tahun melaporkan akuan deklarasi tahunan. Oleh sebab itu, kita dapat maklumat 34,358 Perkongsian Liabiliti Terhad ini. Memang beroperasi secara aktif pada ketika ini.

Apakah PLT? Apakah Perkongsian Liabiliti Terhad? Entiti ini sebenarnya ia menggabungkan ciri-ciri syarikat yang kita panggil sama ada di bawah Akta Syarikat ia ada sendirian berhad ataupun berhad. Ia adalah di bawah seperti akta itu, adalah *body corporate* tetapi ia menggabungkan ciri syarikat dan juga perkongsian konvensional. Perkongsian konvensional, ciri utamanya adalah ia adalah merujuk kepada pekongsi-pekongsi, orang-orang *natural person* ataupun pekongsi-pekongsi yang *associate themselves* dalam bentuk perkongsian.

Apabila ciri-ciri syarikat dan perkongsian konvensional ini bergabung, dalam Akta PLT ini ia memberikan keistimewaan liabiliti terhad kepada pekongsi. Liabiliti terhad ataupun *limited liability* kepada pekongsi. Maksudnya, dia berbeza dengan perkongsian konvensional biasa di mana tanggungan ataupun liabiliti bagi perkongsian konvensional itu adalah *unlimited*. Maksudnya, tak ada had. Maksudnya, jika kita bermiaga sebagai perkongsian konvensional, maksudnya aset peniaga itu, usahawan itu akan bertanggungan *unlimited*. Tidak terhad kepada apa juga hutang-hutang entiti perniagaan itu. Maksudnya, kalau dia meninggal dunia pun aset dia kenalah membayar kepada hutang-hutang perkongsian konvensional tersebut.

Tetapi berbeza dengan Perkongsian Liabiliti Terhad. Apabila liabiliti itu dihadkan, dia samalah seperti syarikat. Jadi, itu lah kita panggil dia adalah menggabungkan ciri syarikat dengan perkongsian konvensional. Bila kita hadkan

liabiliti itu, maksudnya pekongsi dalam Perkongsian Liabiliti Terhad itu liabiliti dia terhad setakat *contributions* ataupun sumbangan kepada modal sahaja.

Maksudnya, jika katakan Perkongsian Liabiliti Terhad itu ditutup ataupun dibubarkan, aset pekongsi dalam PLT tersebut hanyalah pekongsi itu hanya bertanggung setakat *contributions* yang dijanjikan sahaja. Itu sahaja tanggungan dia. Tanggungan hutang, firma Perkongsian Liabiliti Terhad itu sebenarnya ditanggung oleh entiti itu sendiri. Sama seperti sebuah syarikat.

Jadi, maksudnya perlulah ada keperluan perakaunan di situ di bawah akta ini tetapi keperluan perakaunan nanti kita lihat tetapi tidaklah sangat *stringent* seperti sebuah syarikat. Ia tidak memerlukan audit tetapi perlu menyediakan akaun. Maksudnya, akaun mesti ada sebab ia ada *separation*. Dia ada perbezaan, pengasingan di antara entiti perkongsian dengan pekongsi-pekongsi ini. Jadi, terdapat perbezaan itu. Jadi, itulah dia sedikit pencerahan berkenaan bagaimana ciri syarikat dan perkongsian itu digabungkan dan dia menjadi sebuah entiti Perkongsian Liabiliti Terhad. Bukan perkongsian biasa. Dia adalah perkongsian liabiliti.

Oleh sebab demikian, urusan dalaman adalah lebih fleksibel. Seperti saya sebutkan tadi, tidak ada keperluan menyediakan *financial statement* beraudit. Dia perlu menyediakan akaun tetapi tanpa audit. Itulah fleksibiliti yang diwujudkan di bawah perundangan ini. Pekongsi boleh terdiri daripada sama ada individu ataupun perbadanan, pertubuhan boleh juga terdiri daripada syarikat *body corporate* atau kedua-duanya sekali. Dia boleh *combination*. Individu pun pekongsi dia ataupun *body corporate* juga boleh menjadi pekongsi dia. Kita lihat kolum yang seterusnya adalah ciri-ciri utama PLT.

■1120

Dia adalah merupakan satu pertubuhan perbadanan yang mempunyai keperibadian undang-undang berasingan seperti yang disebutkan tadi *body corporate with separate legal personality*. Ini memang dinyatakan di bawah akta itu di bawah seksyen 3.

Kemudian, ia kekal turun temurun. Dia seperti juga syarikat. Maksudnya dia akan kekal dalam pendaftaran SSM selagi entiti itu tidak dibubarkan. Seperti juga sebuah syarikat. *It has perpetual succession*.

Seterusnya, perubahan dalam pekongsi tidak menjaskan PLT ataupun liabilitinya. Sebab ini konsep yang berbeza dengan perkongsian yang konvensional. Kalau perkongsian konvensional, di bawah Akta Perkongsian, jika salah seorang pekongsi meninggal dunia dia akan menjadikan perkongsian itu terbatal ataupun ditamatkan. Tidak bagi PLT ini, sebab dia ada *perpetual succession*.

Akhir sekali mempunyai keupayaan tidak terhad (*unlimited capacity*) sama juga seperti sebuah syarikat. Maksudnya, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) ini boleh menjalankan perniagaan, boleh *carry on business, can be sued*. Maksudnya, dia boleh membuat tuntutan. Dia boleh dituntut di mahkamah.

Maksudnya, keupayaan yang tidak terhad. *Unlimited capacity* dan dia boleh menjalankan transaksi perniagaan terutamanya. Okey, kita terus kepada slaid yang seterusnya.

Membezakan untuk lebih memberikan penjelasan lagi Perkongsian Liabiliti Terhad ini sebab dia agak baru. Barunya 2012 kan. Berbeza dengan Akta Syarikat. Kita tahu syarikat telah wujud di negara kita sejak tahun 40-an lagi. *In fact*, kita ada Akta Syarikat yang pertama kita dahulu 1898. So, lebih 100 tahun entiti syarikat ini telah beroperasi di Malaysia.

Maksudnya, tetapi Perkongsian Liabiliti Terhad ini hanya diperkenalkan di negara kita sebagai sebuah entiti pada tahun 2012. Jadi, mungkin satu entiti yang baharu yang perlu diberi penjelasan. Jadi, satu lagi slaid ini kita memberikan perbezaan PLT *versus* Perkongsian Konvensional.

Kalau kita lihat perkongsian konvensional tadi disebutkan ia tidak mempunyai keperibadian perundangan yang berbeza dengan pekongsi. Sebab keperibadian bagi perkongsian konvensional adalah individu itu sendiri. Pekongsi itu sendiri yang menjalankan perniagaan maka pekongsi-pekongsi itu akan bertanggungan secara sendiri, secara *personal* pada hutang-hutang perniagaan perkongsian konvensional.

Kemudian liabiliti pekongsi tidak terhad seperti yang disebutkan tadi. Akan tetapi, liabiliti pekongsi dalam PLT adalah terhad kepada modal sumbangan seperti yang telah dijelaskan.

Seterusnya, perkongsian konvensional akan terbubar sekiranya terdapat pertukaran pekongsi ataupun kematian. Sebaliknya, bagi perkongsian liabiliti terhad atau PLT, ia bersifat turun temurun ataupun *perpetual succession* seperti syarikat yang telah pun dijelaskan juga.

Akhir sekali, harta perkongsian konvensional. Dipunyai oleh pekongsi secara kolektif. Maksudnya, masing-masing pekongsi mempunyai harta—maksudnya, harta itu adalah milik pekongsi. Akan tetapi, harta PLT adalah milik entiti. Ia bukan pekongsi. Jadi, itu *separation*-nya disebutkan tadi di bawah entiti Perkongsian Liabiliti Terhad.

Kalau kita bezakan pula Perkongsian Liabiliti Terhad dengan syarikat, konsep syer ataupun saham sebab syarikat kita faham ada konsep saham ataupun ada konsep jaminan *with shares or without shares* di bawah syarikat. Akan tetapi, bagi PLT konsep syer ataupun saham tidak terpakai dan sebaliknya kepentingan pekongsi adalah berdasarkan modal sumbangan (*capital contribution*) daripada pekongsi.

Seterusnya, pembuatan keputusan adalah lebih fleksibel. Tiada keperluan untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). Maksudnya, mereka boleh membuat keputusan-keputusan dalam perniagaan masing-masing tanpa memerlukan resolusi AGM.

Tiada keperluan untuk menyerah simpan penyata kewangan. Ini adalah keperluan yang perlu mereka— seperti saya sebutkan tadi, dia ada keperluan penyediaan penyata kewangan. Maksudnya, dia perlu sediakan. Dia perlu *prepare but preparation of* penyata kewangan ini dibuat oleh PLT tetapi disimpan di pejabat *registered office of the PLT* sahaja. Dia tidak perlu serah simpan kepada SSM.

Akan tetapi, SSM mempunyai kuasa itu untuk meminta mereka kalau ada *investigation*. Kita boleh meminta, mengarahkan, memberi notis agar PLT itu menyerahkan ataupun memberikan penyata kewangan mereka kepada pendaftar. Walaupun ada keperluan menyediakan penyata kewangan tetapi tiada keperluan untuk lantikan juruaudit. Maksudnya mereka hanya perlu menyediakan penyata kewangan sahaja dan disimpan di pejabat yang berdaftar.

Baik, saya harap itu penjelasan dan perkongsian. Kita telah selesai apakah itu Perkongsian Liabiliti Terhad, Yang Berhormat Pengerusi dan ahli. Seterusnya, proses konsultasi. Jadi, untuk makluman usaha untuk memperkenalkan pindaan-pindaan ini telah pun dimulakan sejak tahun 2020 lagi. Masa itu, ketika itu adalah tempoh PKP...

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...bersekali dengan syarikat.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Bersekali kita laksanakan dengan rang undang-undang syarikat. Usaha ini dibuat bersekali sebab inilah dua entiti dalam bentuk *body corporate* yang perlu kita berikan, kita perlu *enhance rehabilitasi corporate framework* tadi itu dengan *beneficial ownership (BO) disclosure*.

Jadi, kita mula dengan 2020 dan seterusnya kelulusan polisi Jemaah Menteri telah pun berlaku pada 12 April 2023 dan kemudian telah diluluskan oleh Peguam Negara pada 27 September 2023. Status terkini adalah kita harap pada sidang ini kita boleh membentangkannya kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Next adalah senarai polisi-polisi pindaan. Dia mengandungi 12 fasal sahaja. Berbeza dahulu kita ada 37 fasal. Agak tebal. Ini hanya 12 fasal disebabkan kita import sahaja peruntukan itu dalam Akta Syarikat. Kita import peruntukan berkenaan dengan rehabilitasi korporat dan juga *beneficial ownership* itu, kita perkenalkannya di dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad. Polisi satu disebutkan di sini adalah kerangka pelaporan pemunyaan benefisial berkaitan PLT diperkenalkan.

Kedua, polisi kedua adalah pengenalan kerangka mekanisme penyelamat korporat ataupun rehabilitasi bagi Perkongsian Liabiliti Terhad.

Ketiga, ini adalah sama juga *housekeeping provision*. Pengemaskinian dan pengukuhan prosedur bagi menyokong pelaksanaan tadbir urus PLT yang lebih mampan.

Jadi, nota di situ kita sebutkan di situ polisi satu dan dua adalah merupakan polisi yang sama yang telah diperuntukkan di Akta Syarikat 2016 yang telah pun kita bentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan diluluskan pada 13 Disember tahun lalu. Cadangan pindaan ini juga akan menyelaraskan pemakaian polisi-polisi antara perundangan yang dikawal selia oleh SSM. Jadi, sebab SSM kita mentadbirkan kedua-dua akta ini. Akta Syarikat 2016 dan juga Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Okey, kita terus kepada polisi yang pertama. Ini ialah berkenaan dengan pelaporan, kerangka pelaporan pemunyaan *beneficial* untuk Perkongsian Liabiliti Terhad. Jadi, disebabkan tadi, polisi yang sama seperti telah kita perkenalkan dalam rang undang-undang pindaan dan sekarang menjadi Akta Syarikat (Pindaan) 2024. Akta A1701. Kami masih akan mengumumkan tarikh kuat kuasanya nanti. Pada tahun ini, *insya-Allah*.

Bagi kerangka pelaporan BO ataupun pemunyaan benefisial BO adalah *beneficial ownership* ataupun pemunyaan benefisial. Seperti juga syarikat disebabkan PLT setelah kita faham, PLT juga adalah *body corporate* seperti sebuah syarikat. Maka, pekongsinya boleh terdiri juga boleh pertubuhan perbadanan (*body corporate*).

Jadi, kita perlukan tadbir urus berkaitan dengan pelaporan ataupun penzahiran pemunyaan benefisial. Pada ketika ini, akta ini Akta 743, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad tidak mempunyai sebarang peruntukan berkaitan dengan pelaporan pemunyaan benefisial.

■1130

Jadi, itulah kelompongan ataupun *gap under the existing framework that we used— we would like to close*. Terdapat keperluan untuk mengatasi *gap* ataupun jurang perundangan ini supaya di selaras dengan Akta Syarikat dengan amalan terbaik piawaian antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh agensi seperti FATF dan juga OECD. Yang kita jelaskan tadi, FATF akan menjalankan penarafan bagi Malaysia tahun ini sehingga tahun 2025.

Cadangan pindaan ini akan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan SSM. Maksudnya bukan hanya BO itu, maklumat itu akan ada bagi entiti syarikat. Kita akan ada maklumat BO bagi perkongsian liabiliti terhad. Maklumat ini akan membantu agensi penguatkuasaan kawal selia termasuk PDRM, Bank Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

(SPRM) dan juga SC untuk memudahkan siasatan dan membanteras jenayah serius yang selalunya berselindung di sebalik entiti syarikat ataupun entiti yang kita bincangkan hari ini, entiti PLT yang menjalankan aktiviti pengubahan wang haram. *Okay, next.*

Ini ialah antara pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi mengatasi jurang tadi, berkaitan BO. Memberikan definisi dari perspektif pemunyaan sumbangan modal, mewajibkan PLT menyimpan daftar pemunyaan benefisial dan mengemas kini. Pertama, simpan maklumat itu di SSM, serah simpan. Kemudian kalau ada pindaan atau perubahan maklumat, perlu dikemas kini maklumat tersebut. So, dua elemen di situ. Kemudiannya, menjelaskan kewajipan pelaporan pemunyaan benefisial kepada pendaftar melalui serah simpan perakuan PLT serta pengemaskinian maklumat pemunyaan benefisial apabila terdapat perubahan. Dua perkara. Tadi satu, simpan di pejabat pendaftaran mereka sendiri, *registered office*. Satu lagi dia perlu menyerah simpan ke daftar SSM. Jadi, selain mereka menyimpan maklumat itu di pendaftaran mereka, maklumat yang sama perlu diserah simpan ke SSM. Jadi, SSM juga akan mendapat maklumat ini melalui serah simpan. Juga apa juga perubahan yang berlaku dalam daftar mereka di PLT juga perlu dilaksanakan pengemaskinian tersebut dalam daftar SSM.

Pengenalan BO ini, *framework* akan menjelaskan obligasi siapakah orang yang perlu memaklumkan PLT sekiranya mereka merupakan pemunyaan benefisial. Maksudnya, BO itu sendirilah. Bila dia adalah BO, dia ada tanggungjawab. Diberikan *duty* itu ataupun tanggungjawab itu di bawah perundangan. Maksudnya mereka diwajibkan memaklumkan PLT sama seperti mereka— sebab diwajibkan memaklumkan PLT, mereka juga jika dia di bawah PLT, memaklumkan PLT bahawa mereka adalah pemunyaan benefisial. Juga, *framework* ini memberikan kuasa kepada Menteri KPDN untuk menentukan kelas PLT, siapakah yang boleh dikecualikan sebab ada pengecualian ya. Pengecualian hanya diberi apabila perundangan lain itu mempunyai keperluan yang sama, pelaporan yang sama dan pihak yang boleh diberikan akses berkaitan maklumat pemunyaan benefisial tersebut. Maksudnya kita ingin mengurangkan *duplication* ataupun *overlap* perundangan. Kalau telah ada perundangan itu *elsewhere*, maka perlu diberikan pengecualian. Jadi, ini ialah peruntukan pengecualian kepada pelaporan ataupun penzahiran maklumat BO.

Seterusnya, polisi. Saya rasa kita boleh *skip* ini kalau dibenarkan oleh YB sebab telah tadi pun. Tetapi, ini hanyalah menyatakan peruntukan-peruntukannya di mana iaitu di subseksyen 10(2), subseksyen 19, subseksyen 20A, berkenaan dengan pemunyaan benefisial, pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan. Jadi, itu adalah yang *detailed*-lah. *Next*, 20B adalah obligasi menyimpan dan menyelenggarakan daftar dan menyerah simpan kepada pendaftar di SSM.

Disebutkan tadi, itulah seksyen 20B. Kemudian, 20C ialah memberi kuasa kepada entiti perkongsian liabiliti terhad untuk menghendaki pendedahan pemunya benefisial.

Maksudnya diberikan kuasa kepada PLT itu untuk meminta maklumat ini daripada pekongsi-pekongsi jika pekongsi itu adalah pemunya benefisial, perlulah maklumat itu, penzahiran itu dibuat ataupun dilaporkan kepada PLT dan PLT akan menyimpan maklumat itu dalam daftar PLT ya. 20D pula adalah mengenakan kewajipan kepada BO ataupun pemunya benefisial tersebut untuk memberitahu kepada firma perkongsian liabiliti terhad tersebut apabila dia telah menjadi pemunya benefisial ataupun apa juga perubahan-perubahan. Jadi, itulah di bawah 20D. 20E adalah pengecualian. Seperti yang disebutkan tadi, ada peruntukan pengecualian bagi penzahiran ataupun pelaporan ini, *provided always* kalau ada peruntukan yang sama dalam perundangan yang telah kita cadangkan ini.

Yang akhir sekali adalah tanggungjawab tambahan kepada pegawai pematuhan ataupun *compliance officer*. Di bawah Akta PLT ini, kita tak panggil *company secretary*, kita panggil *compliance officer*. Jadi, itulah dia pegawai pematuhan bagi menyenggara daftar pemunyaan benefisial yang diperuntukkan di bawah perundangan BO ini. Jadi, saya telah selesai berkenaan dengan pelaporan BO ya. Jadi, kita pergi kalau saya boleh teruskan kepada polisi kedua. Kalau ada soalan?

Tuan Pengerusi: Tak Datuk, saya rasa Datuk teruskan dulu.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Okey.

Tuan Pengerusi: Lepas itu baru Q&A.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Baik. Okey. Terima kasih YB Pengerusi. Kita terus kepada polisi kedua berkenaan dengan pengenalan Kerangka Mekanisme Penyelamat Korporat bagi perkongsian liabiliti terhad. Ini juga seperti saya sebutkan tadi adalah adaptasi Kerangka Mekanisme Penyelamat Korporat yang sama yang telah pun kita perkenalkan di bawah RUU Syarikat yang sekarang telah dikenali sebagai Akta Syarikat (Pindaan) 2024. Okay, next.

Pengenalan Mekanisme Penyelamat Korporat bagi PLT ini adalah seperti yang kita katakan tadi, kita import semua peruntukan. Bukan hanya pindaan, bukan hanya pindaan terdahulu yang kita buat sebab peruntukan Mekanisme Penyelamat Korporat ini memang telah sedia wujud di bawah Akta Syarikat dan penambahbaikan yang kita buat pada 2023 dahulu adalah penambahbaikan. Jadi, keseluruhan *framework* bagi *rescue mechanism* diperkenalkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad. Jadi, itu yang kita cadangkan. *[Disampuk]* Di bawah perkongsian liabiliti terhad langsung kita tak ada ini. Jadi, keseluruhan itu dibawa ke Akta Perkongsian Liabiliti Terhad yang kita cadangkan sekarang.

Jadi sama seperti syarikat, PLT yang merupakan *body corporate* ataupun perbadanan tadi mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan. Disebabkan itu, dia mempunyai tanggungan. Entiti itu mempunyai tanggungan berbeza, berasingan daripada pekongsi. So, entiti yang berhutang tadi, apabila dia berhutang, dia perlu membayar hutang dan mempunyai masalah hutang, bagaimana PLT itu boleh di-rehabilitated, boleh dibantu, boleh diselamatkan PLT itu. Diselamatkan ini maksudnya diselamatkan dari penggulunganlah. Maksudnya, untuk membolehkan entiti PLT itu berterusan beroperasi dengan perniagaan dia. Jadi, apabila entiti itu berhutang dan ia perlukan satu mekanisme rehabilitasi, kita akan memperkenalkan perundangan ini bagi membolehkan PLT itu diselamatkan daripada penggulungan.

Maka, dicadangkan supaya Mekanisme Penyelamat Korporat iaitu perkiraan sukarela, *Corporate Voluntary Arrangement* dan juga *Judicial Management* diperkenalkan. Jadi, dua yang kita cadangkan di sini, CVA dan JM.

■1140

Kedua-dua ini yang seperti kita bincangkan dulu untuk Akta Syarikat– dulu itu *enhancement* ya tapi sekarang yang ini *the entire framework for CVA* dan *judicial management* kita cadangkan untuk diperkenalkan kepada PLT ya agar PLT yang mengalami masalah kewangan mereka boleh diselamatkan dengan *rehabilitation* proses atau pelan mekanisme penyelamat yang ada di bawah CVA dan JM.

Okey next. Inisiatif ini akan memberi implikasi perundangan positif dan kita harap boleh memastikan entiti seperti perkongsian liabiliti terhad, berdaya maju maksudnya mungkin *it is just temporary financial problem* dan dia masih *viable*, PLT itu masih kalau di bantu mungkin dia boleh terus beroperasi dengan perniagaan dia terutamanya selepas tempoh pasca COVID-19. Jadi, tindakan penggulungan adalah opsyen terakhir. Jadi, kita sebut tadi penyelamat, kita selamatkan dia daripada penggulungan lah.

Jadi kita katakan di sini objektif kita agar penggulungan menjadi pilihan terakhir apabila entiti perniagaan mengambil tindakan untuk rehabilitasi secara CVA ataupun *judicial management* (pengurusan kehakiman).

Okey next, jadi dua sahaja peruntukan di sini. Pengenalan seksyen 49A dan 49B, cadangan ini bertujuan untuk memperkenalkan mekanisme keseluruhan saya sebutkan tadi keseluruhan perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman CVA dan JM.

Peruntukkan Penggal 8 Bahagian III Akta Syarikat 2016 dan kaedah-kaedah *by-* ini adalah *subsidiary legislation*, Kaedah-kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat 2018 hendaklah terpakai terhadap PLT. Jadi itulah kita– *the way*

how we import peruntukan di bawah Akta Syarikat yang akan terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Bagi seksyen 49B memperkenalkan insolvensi di mana kontrak-kontrak untuk pembekalan barang dan perkhidmatan penting antara pembekal yang dilaksanakan di bawah pengurusan kehakiman. Ini juga kontrak pembekalan, ini adalah seperti yang kita perkenalkan di bawah Akta Syarikat dulu. Kita ada peruntukan yang sama di mana apabila syarikat itu mengalami insolvensi— sama juga kalau PLT insolvensi gagal membayar hutang, kita perlukan kontrak itu berterusan. Maksudnya seperti contoh kontrak-kontrak utama seperti utiliti, bil api tidak di bayar ataupun bil air tidak di bayar, bil telefon tapi kalau kita inginkan syarikat ataupun PLT itu terus beroperasi, *at least* dalam satu tempoh jangka masa dibenarkan. Walaupun dia mengalami insolvensi, dia dibenarkan.

Insolvensi itu tidak akan membatalkan kontrak tersebut, itulah peruntukan yang kita perkenalkan yang sama seperti di bawah Akta Syarikat yang kita pinda. Jadi untuk memastikan pembekalan yang berterusanlah bagi PLT.

Baik polisi ketiga kita teruskan Yang Berhormat. Ini adalah tambah baik dalam amalan tabir urus korporat. Sama juga kita ada *housekeeping provision* untuk mencerminkan keperluan semasa komuniti korporat terutamanya dalam perkara ini ialah bagi perkongsian liabiliti terhad. Kita memperkenalkan beberapa peruntukan.

Pertama adalah sama juga seperti yang kita cadangkan bagi RUU syarikat itu ini adalah perkara baru yang kita perkenalkan di bawah Akta Syarikat iaitu laman sesawang rasmi SSM boleh memudahkan digunakan untuk menerbitkan maklumat warta ya menggantikan keperluan perundangan bagi isu-isu praktikal di mana tiada lagi edaran surat khabar fizikal. Maksudnya—*[Disampuk]* Ya jadi website SSM boleh digunakan sebagai tempat untuk mengiklankan pewartaan terutamanya pewartaan tentang penggulungan dan ini perlu kita perkenalkan juga di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad.

Seterusnya memperkenalkan peruntukan baharu memperuntukkan tempoh pematuhan. Apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempoh pematuhan tidak dinyatakan di bawah Akta 743. Di bawah akta sedia ada jika tidak ada tempoh dinyatakan, tempohnya adalah 30 hari yang kita cadangkan di bawah pindaan ini. Jika tidak ada apa-apa tempoh dinyatakan dalam akta, kita mencadangkan peruntukan baharu menyatakan tempoh pematuhanya adalah 30 hari di dalam kita memperkenalkan seksyen 70A yang baharu ya.

Kemudian kita menyelaraskan cara notis diberikan kepada pekongsi liabiliti terhad yang akhir sekali, sebab peruntukan sedia ada di bawah PLT ini adalah berkenaan dengan seksyen 76. Kita ingin memperkenalkan servis atau penyampaian

dokumen boleh di buat secara elektronik. Itu yang kita masukkan di bawah 76 ya. Ini antara *housekeeping provision* lah yang kita ingin perkenalkan di bawah PLT.

Pada ketika kita membuat perundangan ini pada tahun 2012, tak ada lagi serahan secara elektronik pada ketika itu, pos sahaja yang ada. Jadi kita *enhance* lah seksyen 76 ini, kalau hendak buat servis atau penyampaian dokumen kepada syarikat ia boleh dilaksanakan secara pos atau secara elektronik. Jadi itu yang kita perkenalkan dan juga 76A adalah laman sesawang tadilah yang telah pun saya jelaskan.

Jadi saya rasa itulah slaid yang terakhir YB Pengerusi, telah pun dijelaskan tiga polisi yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad yang kami cadangkan untuk dibentangkan ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Baik, terima kasih YB.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Datuk yang telah memberikan pembentangan. Saya rasa kali ini lebih mudah sikit *as compare to* untuk Akta Syarikat pada tahun lepas sebab itu kali pertama. Saya masih ingat *terms* pemunya benefisial waktu itu saya kena fikir, pemunya benefisial, *beneficial owner* tengah fikir itu. Ini kena *refresh the memory* jadi sebab hari itu sudah bagi apa sudah ada *first time* punya *experience*. Okey sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Basically, memang kita tahu ia adalah suatu keperluan untuk satu, menambah baik seperti mana yang dikatakan tadi, dua objektif pindaan. Kedua, untuk mematuhi juga keperluan antarabangsa sebab kalau hal itu di Akta Syarikat kita dah buat untuk syarikat, tercicir ini pula. Cuma saya ada beberapa soalan lah. Okey, yang pertama kenapa tak di bawa bersama hari itu? Itu soalan pertama, soalan kedua saya nampak sini proses konsultasi dan status terkini yang dalam ini okey.

Ia sebenarnya bermula pada bulan Jun 2020. Okey saya nampak memang waktu itu kita di waktu pandemik termasuk PKP kah apa PKP, PKPP kah apa benda tapi dia bergerak agak pantas. Saya nampak dia punya ini. Cuma datang ke pembentangan kepada Jawatankuasa Dasar KPDNHEP pada 25 Ogos 2020 untuk kelulusan. Saya rasa sudah dapat kelulusan situlah. Kenapa di bawa ke Jemaah Menteri selepas hampir tiga tahun, lebih dua tahun setengah dan di antara dua tahun setengah ini Perdana Menteri sudah tukar tiga kali sudah.

Kalau tak silap saya waktu itu Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin, selepas itu Dato' Sri Ismail Sabri, selepas itu Dato' Seri Anwar Ibrahim. So okey ya. So itu yang saya nampak apalah.

Okey itu yang pertama, yang keduanya saya hendak tanya. Sebab saya nampak di atas itu memang ada libat urus ketika pandemik COVID. Jadi apakah pemegang taruh yang berkenaan, pihak-pihak yang terlibat masih mempunyai pendirian yang sama terhadap pindaan yang dicadangkan?

■1150

Sebab saya nak sebut secara terbuka. Seperti mana yang saya pernah katakan, ketika sesi sebegini berkenaan dengan Akta Syarikat. Sekiranya semua pemegang taruh, pemain industri yang berkaitan, pihak-pihak yang terlibat memberikan sokongan, semuanya setuju. Semuanya rasa pindaan ini bagus untuk tata kelola, untuk kita buat lebih sistematik, bersesuaian dengan perkembangan masa semasa, dan juga memberikan peluang kedua. Ini peluang kedua ini.

Kalau semuanya setuju, ahli politik jangan jadi penghalang. Jangan datang ke mari, “*Oh sini kata itu tak boleh, ini tak boleh*”. Sebab, pemain industri lebih tahu. Dia lebih arif daripada orang politik. Saya kena sebut secara terbuka. Sebab itu, hasil dapatan daripada libat urus dengan semua pihak terbabit, bagi saya sangat mustahak dan ia perlu diberikan keutamaan, kalau semua pihak dah setuju.

Jangan datang sini, Ahli Parlimen pula kata, “*Oh ini tak, itu tak*”. Tidak, itu bukan cara dia, sebab tanggungjawab pihak legislatif, pihak Parlimen adalah untuk *facilitate*, memudah cara, membolehkan apa yang sepatutnya yang membolehkan perkembangan semasa diberikan autoriti sebab pembuat undang-undang. Itu tanggungjawab legislatif.

Jadi, bagi saya apakah pandangan mereka dan juga impak pindaan ini terhadap ekonomi negara? Ini sangat-sangat penting. Saya tanya ini sebab saya nak rekodkan dalam penyata. Ini saya kena sebut secara terbuka. Saya nak rekodkan secara rasmi dalam penyata yang akan disediakan oleh jawatankuasa ini dan saya sebenarnya berharap, pada hari bacaan kedua di Dewan Rakyat, okey, dia akan diletakkan di atas meja semua Ahli Parlimen.

Sebab itu yang akan menjadi, kata orang, justifikasi yang sangat mustahak untuk semua Ahli Dewan Rakyat, memberikan sokongan tidak berbelah-bahagi terhadap pindaan ini. Jadi, saya mohon impak dia, berkenaan dengan industri dan ekonomi kita.

Okey. Soalan terakhir saya adalah berkenaan dengan— sebab ada satu pindaan berkaitan dengan serah, simpan perakaunan PLT kepada pendaftar iaitu SSM.

Mana tadi? Itu— sampai 20— tadi ada satu itu, kan?

Seorang Ahli: 10(2). Subseksyen 10(2).

Tuan Pengerusi: 10(2)? Sebelum itu, memang tak ada klausa ini kan?

Seorang Ahli: 10(2)?

Tuan Pengerusi: Ya. Sebelum ini ada tak klausa ini? Okey. Jadi, itu saja soalan saya. *First round* ini, saya tanya dulu ataupun siapa nak tanya? Okey, saya buka untuk rakan-rakan. Okey, kumpulkan sekali.

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: Boleh? Saya tanya soalan juga? Mungkin ada berkaitan. Saya terpanggil untuk bertanyakan satu soalan. Sudah tentu, polisi-polisi yang diamalkan oleh kementerian adalah untuk kebaikan syarikat dan juga pemunya benefisial, dan saya ingin bertanya di sebalik tujuan untuk memperketatkan?

Saya lihatlah, mengemas kini ataupun memperketatkan dari segi pelaporannya, dari segi perlu ada serahan dokumen dan sebagainya. Adakah ia disebabkan oleh ada banyak kes-kes salah guna ataupun ada banyak kelonggaran yang menyebabkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang tidak sepatutnya berlakulah, atas guna PLT ini sebagai *nature of business* mereka?

Saya lihat, kebelakangan ini SSM pun semakin mengetatkan untuk dasar-dasar yang— contohnyalah, *renew SSM*. Saya mendapati bahawa adanya peniaga-peniaga yang datang kepada pejabat saya. Katanya, sekarang kalau *renew SSM* lesen pun perlu *interview*, perlu— sampai kata dapat panggilan daripada pegawai, kata perlu *interview*. Kalau tak dapat pergi ofis, buat *video call* dan sebagainya.

Saya tak pasti, adakah ia semakin mengetatkan segala dasar dan peraturan panduan, oleh sebab ada banyak pihak yang mengambil kesempatan untuk salah gunakan PLT ini, ataupun syarikat yang di bawah SSM. Dari segi makronyalah, soalan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. YB lain, ada soalan lain tak? *First round*, ataupun tunggu...

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh saya tanya sikit tak?

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Manndzri bin Nasib: Ini saya nak tanya sikitlah. Mungkin tak ada kena mengena tetapi nak tanya juga. *[Ketawa]* Urusan kita buat PLT ini, semua ini kan, dia memang untuk menambah baiklah. Dia *check* tak dengan, mungkin syariah punya inilah, *compliance* ke? Macam mana dia punya kaedah-kaedah ini sebab dulu, kita ada syarikat konvensional. Kita dah pakai lama dah. *Then*, 2012 kita perkenalkan ini. *Then*, kita nak perbaiki ini.

Ada tak ruang-ruang— saya tak tahu lah. Mungkin boleh merujuk kepada JAKIM ke macam mana kan supaya benda ini ada penglibatan dekat situlah, berkaitan dengan *syariah compliance* ini kan, sebab kita pun *drive* ke arah itu juga kan, dalam Madani ini apa itu semua. Kalau adalah. Saya *just* tanya sajalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Minta Datuk jawab dulu.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi. YB Pengerusi, soalan YB dulu. Ada empat di sini. So, soalan pertama YB adalah kenapa tidak bersekali dengan RUU Syarikat?

Sebenarnya, memang dari segi draf, gubalan, konsultasi, kami membawa bersekali. Kami membawa bersekali. Kalau tengok kepada kronologi itu, kalau-ingat, dulu kita bentangkan kronologi yang sama juga di bawah RUU sebab dia bersekali, ya. Namun, apabila kita bentangkan kelulusan polisi kepada Jemaah Menteri pada 12 April 2023 dulu, kita dapat kelulusan penggubalan atas RUU Syarikat terlebih dahulu daripada Peguam Negara dikeluarkan.

Ketika itu, kami SSM dan kementerian, kami bawa kepada kementerian, kami nyatakan ada keperluan membawa ke Parlimen sebab itu pun telah diluluskan Jemaah Menteri dan selepas Jemaah Menteri itu, kita dapat kelulusan RUU itu daripada Peguam Negara, hanya syarikat dahulu disebabkan keperluan FATF untuk membuat penarafan, *mutual evaluation* berlaku pada 2024.

Jadi, kami memohon kepada kementerian. Kementerian pun bersetuju agar ia terus dibawa untuk pembentangan ke Dewan Rakyat, dan kami berjaya melaksanakan itu. Pada tempoh itu, kami menerima kelulusan bagi RUU PLT, dan kemudian tak sempat kami bawa bersekali. Oleh sebab yang demikianlah, perbezaan mengapa ia tidak dibawa bersama. Jadi, kelulusan itu kami dapat berasingan, YB. Jadi itu, soalan pertama.

Tempoh, ya? Okey, YB tanyakan tadi mengapa terlalu lama ya, 2020 dan 2023? Sebenarnya, ada ceritalah dekat situ, YB. Ceritanya adalah pada ketika PKP, di peringkat SSM dan juga kami yang membawa kepada kementerian, juga berpandangan kami mencuba pada ketika itu membawa ia sebagai Ordinan Darurat.

Pada ketika itu, telah dibentangkan pun. Ada *special committee* pada ketika itu ditubuhkan— pada ketika itu, saya ingat, di Jabatan Perdana Menteri, kami membentangkan RUU yang sama. Kedua-dua ini dibawa sebagai Ordinan Darurat. Pada ketika itu, peniaga-peniaga usahawan, mereka— kami ingin membantu mereka dalam tempoh PKP untuk— terutamanya peruntukan berkaitan dengan rehabilitasi.

Maksudnya, *enhancement* untuk *rescue mechanism*. Ini kami cuba bawa sebagai Ordinan Darurat. Itu sebab nampaknya agak cepat kami laksanakan pada 2020 itu dan *somewhere* 2021, 2022 kita cuba bentangkan sebagai Ordinan Darurat tetapi tidak dipersetujuilah.

Pada ketika itu, keputusan jawatankuasa— *special committee* itu berpendapat ia bukanlah jatuh di bawah definisi keperluan di dalam darurat pada ketika itu.

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Tidak mendesak.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Tidak mendesak.

Jadi dia perlu melalui proses biasa. Jadi selepas itu kami akur dengan keputusan itu dan kami melalui proses biasa dan kemudian melalui dua Menteri. *We table* kemudian *table* semula dan akhir sekali kita bawa kepada Jemaah Menteri pada 12 April 2023. Itu tempoh untuk menjawab soalan kedua.

Ketiga adalah, apakah pandangan *stakeholders* semasa konsultasi? Sehingga hari ini mereka menunggu. Sama juga seperti jawapan kami pada syarikat, tapi *stakeholders* bagi PLT dalam – tadi kita sebutkan ada kita ada dalam 34,358 komuniti di dalam PLT.

Kalau kita lihat berbeza dengan syarikat kita dalam 600,000 yang aktif, lebih 600,000 syarikat yang menanti-nantikan peruntukan berkaitan dengan Mekanisme Penyelamat Korporat ya. *At least* bagi syarikat itu YB, kita memang dah ada sedia ada rehabilitasi korporat, cuma kita *enhance* peruntukan bagi lebih memudahkan proses *rescue mechanism*. Akan tetapi bagi PLT, langsung tidak ada peruntukan untuk *rescue mechanism* ataupun rehabilitasi penyelamat korporat ini. Jadi kami memastikan apabila ia diperkenalkan, ini satunya yang dialu-alukan oleh entiti-entiti jenis Perkongsian Liabiliti Terhad, YB.

Tuan Pengerusi: Datuk, Datuk, berkenaan dengan 34,358 PLT ini, dia ada tak apa-apa persatuan dia ke atau pun unit?

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: So far, kita tak ada.

Tuan Pengerusi: Tak ada? Jadi kalau kes macam ini, macam pihak SSM mendapatkan apa maklum balas daripada mereka?

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Kita secara spesifik, kita tidak mendapat pada PLT tetapi komuniti korporat adalah profesion-profesional itu kita panggil yang kita sebut di situ *Corporate Practice Consultative Forum* (CPCF), ahli teknikal CPCF.

Kalau tengok kat situ di proses konsultasi slaid nombor tujuh. Konsultasi awam itu kita ada CPCF itu adalah forum yang kita panggil forum. *Corporate Practice Consultative Forum* yang terdiri daripada *all the prescribed bodies*. Bar Council, Malaysia Institute of Accountants (MIA), MACS, MAICSA. Mereka adalah yang sangat dekat dengan *stakeholders*, peniaga-peniaga dan walaupun dalam PLT ini tidak ada setiausaha syarikat, kita panggil *compliance officer*.

Dalam perundangan ini, perkongsian sendiri boleh menjadi *compliance officer* dan mereka boleh juga secara sukarela boleh memilih contohnya, *company secretary* sebagai *compliance officer* mereka. Jadi tidak seperti di bawah syarikat, *company secretary* itu adalah *qualified person* yang kita tadbirkan di bawah Akta Syarikat. Akan tetapi di bawah itu fleksibiliti yang kita berikan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad. Mereka boleh memilih siapakah *compliance officer* itu.

Not necessarily a qualified person, tetapi mesti ada– mesti ada *qualified*–mesti ada *compliance officer*. Akan tetapi *qualification* tidak diwajibkan, itu saya

sebutkan tadi ada fleksibiliti bagi tadbir urus bagi PLT tetapi mereka dalam PLT ada *compliance officer*. Akan tetapi tidak semestinya dia adalah *qualified persons*.

Akan tetapi mereka boleh melantik *qualified persons* sebagai *their compliance officer* dan mereka sendiri pun boleh menjadi *compliance officer*. Akan tetapi mereka bertanggungan—*compliance officer* itu akan bertanggungan kepada tanggungjawab yang telah ditetapkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: *Financial institution* juga adalah kita punya—yang telah berkonsultasi dengan SSM. Ke Puan Haiza ada tentang *financial institution*?

Puan Norhaiza Jemon [Pengarah, Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]: Sekiranya dibenarkan YB Pengerusi. Antara pihak yang kita *consult* adalah *financial institution*.

Mereka adalah orang yang *directly* akan *impacted* dengan cadangan ini. *Because they are the ones* yang *provide credit*, so maka mereka adalah antara pihak yang sangat bersetuju supaya PLT ini dapat diselamatkan sama seperti syarikat. So, *these are actually the people* yang bagi *real value to the consultation*. *Because they are impacted and they know that if the PLT remains in operation*, dia orang akan dapat balik hutang-hutang itu dari PLT yang akan terus *rather than* digulungkan, mungkin *the value* hutang-hutang itu lebih rendah. Terima kasih.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Itu ialah bagi rehabilitasi korporat, maksudnya mereka akan mendapat bayaran. Memang *consultation* yang banyak kita laksanakan dengan bank sebab bank perlu bersetuju dengan Mekanisme Penyelamat Korporat.

Sebab dia adalah penyusunan semula hutang bagi hutang-hutang yang tertunggak. Jadi itu saya harap telah menjawab telah menjawab soalan YB yang ketiga. Keempat ialah tentang serah simpan ya, seksyen 10(2) tadi untuk soalan YB memang tidak ada. Maksudnya peruntukan itu memang tidak ada dalam peruntukan sedia ada dalam PLT.

PLT memang tidak ada peruntukan BO sedia ada. Itu yang kita cadangkan akan diperkenalkan keseluruhan kerangka seperti Mekanisme Penyelamat Korporat tadi. Bila tidak ada peruntukan itu dalam peruntukan sedia ada, kami mencadangkan keseluruhan peruntukan berkaitan dengan BO, penzahiran pelaporan BO diperkenalkan keseluruhannya dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad.

Jadi saya harap itu menjawab keempat-empat soalan YB Pengerusi. Okey. Soalan seterusnya oleh YB Tan Kar Hing daripada Gopeng berkenaan dengan—tadi soalannya adalah pendaftaran yang diketatkan tadi yang menggunakan video yang YB sebutkan ya? Soalannya adalah...

Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Kedua kesalahan. Ada tak kesalahan...

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: Tak, maksud saya adalah sebab kita perketatkan dan perkemasan kan segala dasar dan polisi, sudah tentu ada sebab di sebaliknya. So, antaranya mungkin kes-kes yang semakin meningkat datang, salah guna, ada orang yang guna akaun syarikat PLT ini sebagai *limited liability* dan apakah dia punya *background of the amendment*, tujuan dia untuk mengatasi masalah-masalah sebegini dan tadi saya bagi contoh sebab SSM sekarang pun mengetatkan untuk *renew lesen*...

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Peniagaan, pendaftaran peniagaan.

Tuan Tan Kar Hing: ...peniagaan – pendaftaran peniagaan dan sebagainya. So, ini saya nak tanya *background*.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Okey. *Background* dia. Okey. So far di SSM kita ada menerima tidak banyak. Akan tetapi ada skim-skim aduan berkenaan dengan PLT yang *seeking for investment*. Sekarang dalam siasatan sebab di bawah Akta PLT ini mereka tidak boleh *raise fund from the public*.

Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Kenaf? Skim Kenaf.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Tak, Kenaf adalah syarikat.

Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Ada satu lagi yang dekat Penang itu?

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Itu juga adalah syarikat. PLT ada satu yang kita terima. Tak banyak lagi YB, tetapi telah mula kami menerima aduan berkenaan dengan PLT cuba digunakan sebagai entiti pelaburan. Sedangkan PLT adalah melalui tadi, dia tidak ada saham, dia adalah melalui *contribution* oleh setiap pekongsi bagi peniagaan dia. Jadi kalau ikutkan kami menjalankan siasatan.

Akan tetapi ini perkara-perkara yang ingin kita bendung dan disebabkan *background* tadi– kalau YB tanya *background* mungkin *FATF mutual evaluation*. Supaya kita memastikan di Malaysia ini kita mempunyai perundangan yang kukuh apabila kita mempunyai *body corporate entity* seperti *body corporate* iaitu bukan hanya syarikat tetapi Perkongsian Liabiliti Terhad.

Kita telah pun memperkenalkan tadbir urus yang ketat berkaitan dengan pemunya benefisial maksudnya akan ada maklumat pemunya benefisial di Malaysia bagi bukan hanya syarikat bukan hanya entiti syarikat tetapi juga entiti Perkongsian Liabiliti Terhad.

Tetapi yang mengejutkan tadi itu berkenaan dengan video-video yang kita gunakan itu, itu ialah cara untuk kita membuat pengesahan *user*. Sebelum ini tak ada. Sebelumnya ada, kita menggunakan biometrik tetapi disebabkan PKP dulu, kita memudahkan orang tidak perlu datang ke Pejabat SSM. Kalau tidak *one time, they have to go to SSM* untuk memberikan identiti mereka iaitu melalui biometrik, disebabkan kekangan *all this PKP* dan kita meneruskan sehingga sekarang. Jika mereka tidak hadir ke SSM untuk biometrik, mereka perlu buat video itulah.

Ini adalah juga untuk memastikan identiti itu adalah identiti orang yang sama sebab kita banyak ada kes. Untuk maklumat, kes-kes penipuan identiti (*fraud identity*). Dia menggunakan IC orang lain. Kemudian, ini memang banyak. Kita banyak ambil tindakan pendakwaan menggunakan— maksud kita panggil *identity fraud cases*. Dia menggunakan— Kadang-kadang ada kes pekerja yang telah bekerja dengan dia, dia gunakan IC itu untuk menubuhkan syarikat atau pun perniagaan yang lain menggunakan identiti. *[Disampuk]* Ya. Jadi, inilah yang kita bendung melalui *identity theft* ataupun *identity fraud*. Memang berlaku. Jadi, itu saya harap menjawab soalan YB Gopeng.

Akhir sekali, daripada YB Tuan Manndzri, Tenggara. *Shariah compliant*. Konsep syariah bagi entiti syarikat ini kita telah pun— Semasa kita buat *law reform* bagi syarikat dahulu, Akta 1965. Akta Syarikat yang lama. Kita telah pun melaksanakan satu proses yang kita lihat sama ada *shariah compliant* ke tidak perundangan kita berkaitan syarikat ya. Kita telah pun menyemak perundangan ini bersama kita panggil *Law Harmonisation Committee* yang telah pun kita duduk pada ketika itu. Ia diterajui oleh Bank Negara Malaysia untuk *Islamic finance* punya inisiatif *framework* bagi Malaysia.

Pada ketika itu, Bank Negara membuat draf atau pun *law reform* bagi— Sekarang dia dah jadi *Islamic Financial Services Act* dan *Conventional Financial Services Act*. Dia pecah dua kan di bank? SSM *participate in that committee* dan kita melihat peruntukan-peruntukan seperti contoh *interest* atau pun riba telah pun dikeluarkan daripada Akta Syarikat. Maksudnya konsep-konsep yang bertentangan dengan syariah itu telah pun dikeluarkanlah daripada perundangan kita. Jadi, selain daripada itu kita tidak nampak ia bertentangan dengan syariahlah. Selain daripada konsep-konsep riba yang ada pada peruntukan kita yang lama dan sekarang konsep-konsep itu tidak ada lagi dalam peruntukan Akta Syarikat 2016 dan juga apatah lagi di bawah perkongsian liabiliti terhad.

Kita semak dahulu, konsep riba tidak ada lagi dalam perundangan kita tetapi yang lain itu konsep syarikat, konsep entiti menjalankan perniagaan ini tidak— apabila disemak dengan jawatankuasa itu, dia didapati tidak menyalahilah. Dia adalah konsep *syarikah* kan. Dikatakan selari dengan perundangan syariahlah

except for riba itulah yang telah pun dikeluarkan dan kita menggunakan terminologi lainlah bukannya *interest*-lah. Tetapi *interest* itu boleh digunakan jika syarikat *opt in*. Kalau syarikat nak juga mengenakan *interest* atau pun konsep itu, itu adalah *opt in* lah. Dia boleh masukkan dalam *constitution*. Maksudnya kita tidak melarang sama sekali tetapi konsep itu tidak ada dalam peruntukan kita. Cuma kalau ingin juga dilaksanakan ada dalam bentuk *constitution* yang perlu dinyatakan. Jadi, itulah jawapan saya. Saya harap saya menjawab soalan YB.

Tuan Manndzri bin Nasib: Sedikit saya nak tanya. Sebenarnya kalau saya tengok daripada saya tanya itu bukan apa, sebab PLT ini saya nampak memang islamik kah? Sama ada kita nak tolong, nak menyelamatkan, ada proses rundingan. Maksudnya supaya *win-win*, kan? Jadi, cuma saya sahaja *just* tanyalah kalau benda ini boleh dijadikan macam— Ya lah, kalau kita barang ada cop halal kan. Ini pun sebenarnya macam— sebab pada sayalah Tuan Pengurus kan, PLT ini memang membantulah sebab tempoh yang kita lama itu kan. Sebenarnya memang patutnya pada masa itu benda ini dibuat dalam bentuk ordinan itu supaya selepas JPKP itu banyak *company* yang menggulung-gulung tikar itu kan. Maksudnya kalau ada akta ini dah boleh dah nak diselamatkan. Itulah maksudnya saya.

Satu lagi, berkaitan tambahan sikitlah Tuan Pengurus ya. Dah tanya ini berkaitan dengan mekanisme penyelamat ini kan. Kalau mekanisme penyelamat ini bank sahaja kah yang boleh menyelamatkan syarikat itu? Atau pun ada daripada tiba-tiba entah datang daripada planet-planet mana kan datang nak tolong? Ada tak garis panduan mekanisme penyelamat ini? Sebab kita takut juga kalau masa nak melaksanakan mekanisme penyelamat itu kan, tiba-tiba datang dana entah dari mana tetapi selamat lahir syarikat itu melainkan selain daripada banklah. Sebab dia punya libat urus itu melibatkan antara komponen penting ini tadi disebut oleh puan adalah bank. Tetapi kalau ada entiti lain yang datang menyelamat? Termasuk juga bawa duit entah daripada mana kan. Macam mana itu kan sebenarnya? Saya sahaja nak tahu lahir kan.

Datuk Nor Azimah binti Abdul Aziz: Dia ada dua konsep di sini. Sebenarnya mekanisme penyelamat ini adalah daripada siapa entiti itu berhutang dengan. Maksudnya syarikat itu sekarang berhutang dengan Bank A. Selalunya banklah atau pun *financial institution* dan dia sekarang perlu membuat satu pelan rehabilitasi. Itulah dengan CVA atau pun *Judicial Management* (JM) mencadangkan kepada bank, kepada kreditor bagaimana dia nak menyusun semula hutang dia. Mungkin tempoh yang lebih panjang atau pun ada *white knight* yang tadi itu. Kalau Tuan Yang Berhormat, sebutkan *white knight*, bukan bank. Sesiapa juga kan. Peruntukan itu kita tidak menyatakan siapa. Kita nyatakan *financial assistance* itu boleh jadi sesiapa juga. Kita tidak menyatakan semestinya banklah. Tetapi apabila dia memberikan

financial assistance, dia boleh diberikan *priority* dalam Akta Syarikatlah yang kita bincang dulu.

Jadi, tidak semestinya banklah ya. Kita tidak menyatakan dalam akta mestilah bank. Tetapi selalunya dalam kes syarikat yang sekarang ini berhutang, apabila dia berhutang dengan bank selalunya dia akan membuat pelan rehabilitasi untuk diluluskan oleh bank itulah atau pun oleh kreditor. Kreditor itu mungkin bank atau pun mungkin bukan banklah. *Non-bank*.

Tuan Manndzri bin Nasib: Ini *last*. Betul-betul *last* ini sebab bukan apa...

Tuan Tan Kar Hing: Saya pun nak tanya satu soalan.

Tuan Manndzri bin Nasib: Sebab saya pun ada satu nak minta keluar awal ada perjumpaan itu penting. Sebab ketika kita buat Akta Syarikat ini yang sebelum ini yang pinda itu kan, masa itu tengah sibuk tentang MYAirline. Ingat tak?

Seorang Ahli: Ingat.

Tuan Manndzri bin Nasib: Tengah MYAirline tengah *hot* itu. Sebab itu bila disebutkan pasal untuk misi penyelamatan ini ada juga bukan daripada bank, mungkin tak apalah. Ini kita dah angkat. Mungkin akan datang kalau nak ada pindaan lagi yang *grey* tahu? Maksudnya dia tak jelas. Selain daripada bank itu yang boleh menyelamatkan, mungkin kalau ada garis panduan kah macam mana kan supaya kita nak mengelakkan benda-benda yang pelik-pelik inilah.

Puan Norhaiza binti Jemon: Saya rasa peruntukan sekarang mencukupi *because dia tak specify that it has only to be from bank. So, as long as orang itu atau pun the proposal itu mendapat kelulusan mahkamah. So, it can be anyone. But it has to be approved by court first. Courts must be satisfied that the person is able to provide the financing* dengan dia punya syarat-syarat dialah yang tertentu. *Because after that, the effect is that sekiranya PLT itu masih terus digulungkan, that person akan dapat priority. So, dia very much control and sesiapa pun boleh sebenarnya menjadi white knight.* Tak semestinya bank.

Tuan Tan Kar Hing: Tuan Pengerusi, tanya satu boleh?

Tuan Pengerusi: Boleh.

Tuan Tan Kar Hing: Sedikit sahaja. Sorry, minta maaf. Tadi yang sebut tentang aktif PLT lebih kurang 34,000, kan? Boleh tak saya tahu— *I mean roughly* dia punya kategori *business* atau pun *online* punya *business* makin meningkat untuk daftar di bawah PLT ini kah atau pun ada tak angka-angka yang boleh...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tan Kar Hing: *Roughly-lah the jenis.*

Seorang Ahli: *By sectors.*

Tuan Tan Kar Hing: *By sectors kah? By industries kah?*

■1220

Ataupun *online* punya perniagaan, adakah mereka semakin tambah? Adakah kita nak menggalakkan mereka? Sebab, sekarang kita tahu *online business* memang bukan semua yang daftar. *Are we going to tell the online business that* galakan mereka untuk mendaftar ini supaya ada kelonggaran, ada perlindungan kepada mereka dan sebagainya? So, ini adalah soalan saya.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Kita ada data statistik. Mungkin kita— kalau YB inginkan kami boleh bagi data statistik itulah. Dia secara...

Tuan Pengerusi: Saya rasa macam ini. Lepas hari ini, kita akan jumpa sekali lagi. Sebelum pembentangan bacaan kedua. So, itu kita biasa panggil untuk siapkan penyata untuk *housekeeping* untuk penyata. Boleh tak waktu itu, bagi data itu. Untuk dimasukkan bersekali dengan penyata itu.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Mengikut industri ya?

Tuan Pengerusi: Ya, mengikut industri seperti mana permintaan YB Gopeng. Okey. Saya nak balik pada YB Tenggara punya soalan tadi. Bank ataupun pihak lain. Tetapi, mesti diluluskan oleh mahkamah. Jadi, saya rasa *safeguard* dia diluluskan oleh mahkamah. Sebab, kalau tidak nanti kita fikir, Ahlong kah siapa kah. Dia akan— nanti isu AMLA pula jadi. Dia dapat wang, nanti orang bawa dua peti *cash*. Jadi, benda itu. Tetapi, kalau diluluskan oleh mahkamah, maknanya *safeguard* dia di sitolah. Kita pastikan transaksi ataupun suntikan modal baharu tersebut sebab kalau nak selamatkan itu memang bagus.

Cuma, kita pun nak modal itu dari mana asal usul dia. *So, I think the safeguard is that.*

Tuan Manndzri bin Nasib: Kalau mahkamah kena ada *guided* dia lah...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *I think* dia kena lah.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar: *I think* mahkamah akan buat itu...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Itu *I rasa okey lah. At least*, ada *safeguard*. Kalau tidak dia ambil sahaja. Orang bagi dia ambil.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Mahkamah akan, perlu berpuas hatilah...

Tuan Pengerusi: Yes.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Sebelum membuat keputusan itu.

Tuan Pengerusi: Okey, saya jemput YB Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Terima kasih YB Pengerusi. Saya ada satu dua soalan mudah Yang Berhormat Datuk Nor Azimah. Tetapi, saya mula dengan cerita lah. Pada 9 Mac yang lalu, jumpa Menteri YB KPDN Menteri di Sungai Petani, majlis perkahwinan anak Speaker.

Jadi, dia kata Pasir Gudang tolong sokong bahas dalam RUU ini. Dia ada sebutlah perkongsian liabiliti. Saya kata *insya-Allah* saya akan sokong. Macam kita luluskan yang sebelum ini lah. *Beneficial owner* itu. Tetapi, mungkin saya dia dah berhubung sikit. Saya cuba nak faham tetapi tak faham. [Ketawa]

Apa itu, yang dahulu itu mudah faham. *Beneficial owner*. Jadi, saya pun belum sempat tengok *bill* ini mungkin kalau saya tengok yang dalam bahasa Inggerisnya mungkin saya cuba mudah faham. Saya latar belakang peguam tetapi tak faham. Saya *civil lawyer*. Tetapi, kalau *corporate lawyer* mudah faham. Dalam Parlimen ini, ada beberapa orang kawan daripada *corporate lawyers* dan orang-orang *business mostly* macam Tenggara. Mudah faham. YB Rasah. Dia ada angguk-angguk, dia faham. Tetapi, saya kena baca semula.

Soalannya ialah apa bezanya— kalau dapat bagi contoh lah ya. Perkongsian konvensional dengan yang lagi satu ini perkongsian liabiliti terhad ini. Contoh yang, contoh hiduplah.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Okey YB. Apa bezanya perkongsian konvensional dengan perkongsian liabiliti terhad.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Kalau boleh dengan syarikat apa, syarikat apa kah yang... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Manndzri bin Nasib: Contoh syarikat. Ada contoh syarikat yang, contoh syarikat sahaja. *Simple way to explain*. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Dia perkongsian— okey, saya pergi kepada perkongsian konvensional dulu. Mungkin saya tak ada nama. Sebab dia ada banyak dalam daftar kita. Perkongsian konvensional ini, perkongsian konvensional adalah ditadbirkan di bawah Akta Perkongsian. Akta Perkongsian yang biasa, yang *Partnership Act. Partnership Act* Tahun 1961.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Bagi contoh. *Oil and gas*.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: *Oil and gas*.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Mahathir, Mokhzani. Apa nama dia. Kencana.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Kencana.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Dia berkongsi dengan anak Tan Sri Shahril.

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Sapura.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Sapura. Adakah itu satu contoh?

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Tidak. Di belakang— okey, begini. Kalau dia pekongsi konvensional, perkongsian konvensional di bawah Akta Perkongsian 1961, perkongsian. Dia adalah didaftarkan— kalau dengan SSM dia didaftarkan di bawah

pendaftaran perniagaan 1956. Dia adalah *business* ataupun *enterprise*. Di Malaysia ini. Mungkin saya ceritakan. Okey, kita bincang latar belakang ya.

Katakan kita rakyat Malaysia, kita ingin bermula. Kita ingin membuat perniagaan. Jadi, kita boleh memilih. Di Malaysia ini kita boleh memilih sama ada kita nak bermula dengan cara peniaga tunggal. Kita seorang-sorang. Kita perniagaan tunggal. Kita seorang. Milikan tunggal. *Sole proprietorship*. Maksudnya kita seorang dengan “*unlimited liability*” sebab *sole proprietorship* itu adalah *unlimited liability*. Saya sendiri bertanggungjawab pada hutang firma *sole proprietorship* itu sebab *unlimited liability*.

Sama juga dengan perkongsian konvensional. Dia adalah perkongsian konvensional. Dia adalah pekongsi-pekongsi *associate themselves together*, menjalankan perniagaan secara perkongsian di bawah Akta 1961 itu tadi.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Syarikat Berhad, sendirian berhad...

[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Tidak. Perkongsian.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar: *Can be enterprise.*

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Kemudian, dia berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dengan SSM. Dia adalah seperti *enterprise*. Jadi, di bawah ROBA. Okey, kita panggil *Registration of Business Act*, kalau kita nak meniaga kita boleh pilih peniaga tunggal (*sole proprietorship*) dan juga perkongsian. Perkongsian konvensional biasa. Tetapi, ini adalah “*enterprise*”. Kalau tadi tunggal dia boleh selain daripada tunggal, dia boleh kalau dia jadi perkongsian.

Ini adalah perkongsian biasa YB. Perkongsian di bawah Akta 1961 tadi dan didaftarkan di SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan tahun 56.

Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar: Beza dengan syarikat yang ini dia tidak ada syer... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Dia *unlimited liability*. Dia kedua-dua ini yang saya sebutkan tadi peniaga tunggal dan juga perkongsian konvensional yang biasa, dia mempunyai ciri *unlimited liability*. *Unlimited liability* maksudnya dia bertanggungjawab. Kalau pekongsi tadi pekongsi konvensional dia dua orang, Mr. A dengan Mr. B, dia berdua-dua bertanggungjawab dengan aset dia sendiri. Kalau dia meninggal pun aset dia kena bertanggungjawab dengan hutang firma perkongsian konvensional tadi.

Sama macam pemilik tunggal tadi. Peniaga tunggal. Tetapi, dia pekongsi. Tadi tunggal. Dua-dua itu adalah *business enterprise* di bawah *Registration of Business Act* 1956 yang didaftarkan oleh SSM. Tetapi, berbeza dengan Perkongsian Liabiliti Terhad sebab dia ada liabiliti terhad dekat belakang itu, YB. Di belakang nama dia ada PLT. Contohnya kita banyak sekarang ada firma ataupun firma perkongsian

di audit *firm* macam PwC PLT. Kita ada PwC PLT. Kita ada *Ernst and Young* PLT. Selain daripada PLT ataupun itu. Selain daripada contohnya profesional macam tadi “*audit firm*”. Dia boleh juga buat perniagaan lain. Tetapi, dia PLT juga. Tidak semestinya profesional *firm*.

Tetapi, *mostly* untuk PLT ini dia adalah dalam bentuk profesional lah. Profesional punya *business*. Maksudnya, *it can be engineering firm* kan. Dia PLT *consultancy*. Dia boleh jadi arkitek punya *firm*. Dia gunakan dia belakang nama dia ada PLT dan dia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

■1230

Kalau syarikat kan— Akta Syarikat 2016, di belakang namanya adalah Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.). Di belakang namanya ada Bhd., syarikat awam berhad, tetapi PLT ini di belakang namanya ada PLT. Macam tadi PricewaterhouseCoopers (PwC), belakang dia PLT. Sebab Malaysia ini kita gunakan perkataan bahasa Melayu, kita tulis PLT.

Di negara asing akan nama LLP, *Limited Liability Partnership* (LLP). Macam dekat *Singapore*, belakang nama dia, nama dia *something* mungkin PwC LLP. Itu di *Singapore* lah. Dekat Malaysia PwC PLT belakang nama dia. Ia adalah sebahagian daripada nama.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Okey, kita tidak ada had, ia bawah *unlimited*. Tapi mungkin kita nak tukar polisi itu nanti. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz: Itulah polisi sedia ada, tetapi mungkin itu adalah juga isu yang menjadi *scam* itu.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Maaflah saya tak faham sangat kriteria dia, saya *dok* politik saja. Jadi, bolehkah saya rumuskan perkongsian liabiliti terhad ini berbeza dengan...

[Pembesar suara dimatikan]

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan lain? Kalau tak ada soalan lain, satu saya ucapkan terima kasih sebab saya sebenarnya — ikut perancangan asal saya, di pertengahan itu saya akan minta. Saya dah bincang dengan YB Pasir Gudang dah. Nak minta YB Pasir Gudang untuk mempengerusikan mesyuarat sementara saya masuk ke Dewan untuk bahaskan perbekalan tambahan untuk KPDN fasal minyak masak. Tapi, sekarang ini saya terkini masih gulung untuk KKM. Jadi, sempat untuk kami berdua masuk untuk bahas.

Jadi, saya sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada terutamanya Yang Berbahagia Datuk Nor Azimah yang telah memberikan pembentangan yang sangat informatif, sangat tersusun yang membolehkan kami yakin. *I have to say that* kami yakin. Ini satu pindaan yang akan membawa kebaikan bukan setakat kepada PLT, tetapi kepada industri dan juga perkembangan ekonomi. Okey, untuk negara kita memang impak dia positif.

Cuma, saya minta pertanyaan daripada YB Gopeng tadi. Okey, nanti waktu kita buat *housekeeping* nanti, mesyuarat kedua minta boleh dimasukkan bersekali dalam penyata tersebut. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Sayuthi, KSU yang sempat hadir untuk bersama dengan sesi ini. Saya percaya sesi libat urus dengan Ahli Parlimen akan dibuat—mesyuarat, kan?

Seorang Ahli: Bersekali dengan Ahli Dewan Negara.

Tuan Pengerusi: Okey, mungkin dia akan dibuat dalam mesyuarat kedua lah sebab setakat hari ini kami tak terima apa-apa notis, kan? Perjumpaan dengan Ahli Parlimen itu. Sebab lepas hari ini, esok. Lepas itu minggu depan untuk Dewan Rakyat ada tiga hari lagi. So, kemungkinan besar akan dibuat pada permulaan mesyuarat kedua nanti, ya. Okey, tak apa.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua YB-YB yang hadir dan telah mengemukakan apa-apa sahaja persoalan kepada wakil *ex-officio* kita yang hadir bersama. Saya ucapkan terima kasih dan sekali lagi kepada Dato' Seri, Datuk dan rakan-rakan daripada SSM atas pembentangan dan juga jawapan yang diberikan atas pertanyaan yang kami kemukakan. Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih, salam Ramadan, selamat berpuasa kepada semua. Saya menangguhkan mesyuarat hari ini. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.35 tengah hari]